



اَبُو سَيِّدِي تَكْنُو لُو كِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR

SHAH ALAM

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

TUAN RASHID BIN SIBIR,

MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGARAH FILEM

FATIN NUR HANANNI BINTI RADZUAN

(2020837344)

MURSHIDAL HAZWANIE BINTI FAIRUZZAKI

(2020819062)

SEMESTER OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN SELANGOR

SHAH ALAM

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

TUAN RASHID BIN SIBIR,

MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGARAH FILEM

FATIN NUR HANANNI BINTI RADZUAN

(2020837344)

MURSHIDAL HAZWANIE BINTI FAIRUZZAKI

(2020819062)

KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA

SEMESTER OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami ingin memanjat syukur kepada Illahi atas redhaNya dalam membantu kami melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini. Tidak dinafikan pelbagai cabaran dan kekangan yang kami hadapi sebelum dan sesudah selesai sesi temubual bersama tokoh walaubagaimanapun, berkat kesabaran serta pertolonganNya, kami berjaya menghadapi cabaran yang melanda.

Sekalung penghargaan kepada tokoh yang ditemubual, Tuan Rashid bin Sibir atas kesudian serta kerjasama beliau untuk ditemu ramah dalam menghasilkan transkrip ini. Kami berbesar hati mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau. Kami juga amat menghargai kesudian beliau menerima jemputan sebagai tokoh yang ditemubual di sebalik kesibukkan dan jadualnya yang ketat.

Sehubungan itu, kami juga ini mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pembimbing akademik bagi subjek IMR604 iaitu Sejarah Lisan, Encik Jafalisan bin Md. Jali yang telah memberi segala ilmu dan tunjuk ajar beliau bagi menghasilkan transkrip ini.

Akhir sekali, kami ini mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, ibu bapa serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi semangat kepada kami semasa menghasilkan transkrip temubual ini.

Sekian, terima kasih.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TUAN RASHID BIN SIBIR, PENGARAH FILEM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGARAH FILEM

***Abstrak:** Kajian ini adalah berkenaan pengalaman Tuan Rashid bin Sibir sebagai pengarah filem. Beliau telah bergiat dalam bidang perfileman selama lebih daripada 30 tahun didalam industri seni Malaysia. Beliau merupakan anak ke sebelas daripada tiga belas orang adik-beradik. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Batu Pahat, Johor. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke ITM (Institut Teknologi MARA) dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi pada tahun 1991. Kerjayanya bermula bersama Serangkai Filem dan beliau merupakan penolong pengarah sebelum bergelar pengarah filem. Beliau telah mendapat gelaran 'Pengarah Air Mata' kerana berjaya menyentuh hati penonton dengan kisah-kisah sedih dalam dramanya. Tema yang sering dipilih dalam penghasilan sebuah filem beliau adalah bertemakan kemasyarakatan. Kajian ini merangkumi latar belakang sebenar figura berbakat dalam pengarah filem di sebalik nama "Rashid Sibir". Selain itu, kajian ini juga mengupas rintangan dan cabaran beliau dalam bidang pengarah filem serta menceritakan perjalanan karier Rashid Sibir sebagai rujukan akan datang.*

***Kata kunci:** Filem, Institut Teknologi MARA, Pengarah, dan Tuan Rashid Bin Sibir.*

***Abstract:** This study is about Mr. Rashid bin Sibir experience as a film director. He has been active in the film industry for more than 30 years in the Malaysian art industry. He is the eleventh child out of thirteen siblings. He was educated at Batu Pahat Secondary School, Johor. Then he continued his studies at ITM (MARA Institute of Technology) in the field of Bachelor of Communication in 1991. His career began with Serangkai Filme and he was an assistant director before becoming a film director. He has earned the title of 'Director of Tears' because he managed to touch the hearts of the audience with sad stories in his drama. The theme that is often chosen in the production of his film is a social theme. This study covers the real background of the talented figure in film directing behind the name "Rashid Sibir". In addition, this study also examines his obstacles and challenges in the field of directing and recounts Rashid Sibir career journey as a future reference.*

***Keywords:** Film, MARA Institute of Technology, Director, and Mr. Rashid Bin Sibir.*

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	i
ABSTRAK.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI SINGKATAN.....	iv
BIODATA PENEMUBUAL.....	v
BIODATA TOKOH.....	vii
1.0 PENGENALAN.....	1
2.0 KAJIAN LITERATUR.....	2
3.0 TRANSKRIP PENEMUBUAL.....	4
4.0 LOG PENEMUBUAL.....	51
5.0 GLOSARI.....	64
6.0 INDEKS.....	65
7.0 RALAT.....	68
8.0 RINGKASAN.....	69
9.0 KESIMPULAN.....	72
10.0 RUJUKAN.....	73
11.0 LAMPIRAN.....	74
11.1 SURAT PERJANJIAN.....	74
11.2 SENARAI SOALAN.....	75
11.3 DIARI PENYELIDIKAN.....	80
12.0 GAMBAR.....	82

SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

NO	SINGKATAN	SINGKATAN NAMA
1.	FNH	Fatin Nur Hananni
2.	MHF	Murshidal Hazwanie Fairuzzaki
3.	TRS	Tuan Rashid Sibir
4.	ITM	Institut Teknologi MARA
5.	UiTM	Universiti Teknologi MARA
6.	PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
7.	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
8.	USM	Universiti Sains Malaysia
9.	SOP	Standard Operation Procedure
10.	KL	Kuala Lumpur

BIODATA

BIODATA PENEMUBUAL



Nama	Fatin Nur Hananni Binti Radzuan
Nombor Pelajar	2020837344
Jantina	Perempuan
Agama	Islam
Bangsa	Melayu
Nombor Telefon	+601121214851
Emel	fatinradzuan99@gmail.com
Negeri Kelahiran	Pahang
Alamat	Pelindung Damai Kuantan, Pahang
Nama Program	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan
Nama Universiti	Universiti Teknologi MARA Kampus Puncak Perdana, Cawangan Selangor

BIODATA PENEMUBUAL



Nama	Murshidal Hazwanie binti Fairuzzaki
Nombor Pelajar	2020819062
Jantina	Perempuan
Agama	Islam
Bangsa	Melayu
Nombor Telefon	+60132398742
Emel	mhfairuzzaki@gmail.com
Negeri Kelahiran	Kedah
Alamat	Jalan Datuk Kumbar, Alor Setar
Nama Program	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Kandungan Maklumat
Nama Universiti	Universiti Teknologi MARA Kampus Puncak Perdana, Cawangan Selangor

BIODATA TOKOH



Nama	Rashid bin Sibir
Pekerjaan	Pengarah Filem
Gelaran	Pengarah Air Mata
Syarikat	Opera Klasik Sdn. Bhd.
Anugerah	1. Anugerah Pengarah Baru Terbaik bagi filem Sutera Putih 2. Anugerah Pengarah Harapan di Festival Filem Malaysia 3. Anugerah Pengarah Terbaik untuk telemovie Lelaki Kiriman Tuhan 4. Anugerah Oscar bagi drama Tanah Kubur dan telefilem Pondok Buruk 5. Anugerah Penulis Terbaik bagi filem Ratu Jamu
Tahun Kelahiran	1966
Negeri Kelahiran	Batu Pahat, Johor
Tempat Tinggal	Rawang, Selangor
Status	Berkahwin
Nama Isteri	Nurulhuda Azizi
Anak	4 orang anak
Sejarah Pendidikan	1. Sekolah Menengah Kebangsaan Semerah, Batu Pahat, Johor 2. Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Batu Pahat, Johor 3. Institut Teknologi MARA (ITM), Shah Alam dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Penyiaran)
Adik beradik	Anak ke-11 daripada 13 adik-beradik
Hobi	Menulis skrip

1.0 PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005) filem ditakrifkan sebagai gambar bergerak yang ditayangkan pada lapisan, biasanya dalam filem suara (filem di mana pelakon bercakap) dalam filem berwarna-warni, Takrifan ini berdasarkan fakta bahawa filem ialah gambar bergerak yang ditunjukkan pada lapisan. Menurut penemuan Pusat Kajian Sejarah Lisan, universiti kebangsaan Malaysia masih belum dimanfaatkan sebagai sumber pendidikan yang berkesan. Ingatan seseorang yang mengambil bahagian dalam pelbagai acara yang dikaitkan antara satu sama lain dari pelbagai perspektif adalah asas sejarah lisan.

Salah satu kelemahan utama dari mencuba menulis ulang sejarah Malaysia (UKM, 2007) adalah kurangnya sumber sejarah asli. Misalnya, sejarah negara-negara Melayu dapat dibagi menjadi tiga: pra-kolonial, kolonial, dan pasca-kolonial. Ada beberapa negara yang memiliki sumber asli yang berkaitan dengan sejarah perkembangan negara tersebut, tetapi itupun hanya abad ke-19 yang tersedia. Masalah ini lebih serius kerana tidak ada tradisi di Malaysia untuk membuat jurnal, menulis dokumen lain atau menulis biografi. Sejarah Lisan dapat membantu melestarikan dan menambah sumber sejarah Malaysia yang ada di abad ini.

Dalam usaha memajukan penulisan sejarah Malaysia, tidak semestinya penulisan tertumpu kepada tokoh-tokoh terkenal dan peristiwa besar yang berlaku dalam sesuatu era. Ya, ini penting, tetapi kita tidak boleh lupa bahawa sejarah juga merangkumi kisah dan peristiwa orang yang tidak terkenal atau terkenal seperti sesetengah orang. Tajuk-tajuk yang bercorak sejarah tempatan dan juga sejarah negeri perlu diberi tempat yang sewajarnya. Di sinilah Sejarah Lisan boleh sangat membantu kerana orang biasanya tidak meninggalkan sumber bertulis. Di Malaysia, tradisi bertulis sangat terhad, tetapi terdapat banyak tradisi lisan. Projek sejarah lisan boleh dilaksanakan untuk menangkap sejarah tempat ini melalui temubual dengan orang yang pernah tinggal di sini atau yang mempunyai pengetahuan mengenainya

2.0 KAJIAN LITERATUR

Tinjauan literatur merupakan sorotan kajian yang pernah dihasilkan oleh pengakaji-pengkaji sebelumnya. Tinjauan ini umumnya dijalankan melalui panduan bahan-bahan bercetak seperti akhbar, buku, jurnal serta tesis. Tinjauan literatur amat penting dalam sesebuah kajian kerana ia menjadi panduan pengkaji untuk merujuk dan mendapatkan idea malah hala tuju kajian tersebut juga terletak pada tinjauan literatur.

Sebagai contoh, Ramlah Adam telah menghasilkan sebuah biografi politik yang berjudul “Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra” pada tahun 2005 di bawah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Biografi ini ditulis bagi menceritakan usaha beliau dalam memerdekakan negara dari jajahan bangsa asing. Tambahan pula, biografi ini juga menceritakan sumbangan dan pergorbanan beliau bagi mensejahterakan tanah air dari cengkaman British sehingga negara berjaya mencipta sejarah pada 31 Ogos 1957. Melalui kajian ini, jasa Tunku Abdul Rahman wajar diabadikan dan dibukukan sebagai rujukan dan tauladan bagi generasi akan datang.

Selain itu, Universiti Malaysia Kelantan dan Persatuan Kemajuan Wanita Kelantan di Kuala Lumpur dan Selangor (PUSPA) telah berkolaborasi dalam menerbitkan sebuah biografi yang bertajuk “Biografi Tokoh Wanita Kelantan” pada tahun 2014. Kolaborasi ini bertujuan untuk menyampaikan sejarah tentang tokoh-tokoh wanita dari Kelantan yang telah banyak berjasa dalam bidang masing-masing seperti perusahaan, politik, dan pendidikan. Dengan penghasilan biografi ini, pengkaji masa hadapan dalam merujuk sumbangan dan jasa mereka dalam pembangunan negara sekali gus memartabatkan golongan wanita

Menurut D.N dan Beile, P. (2005), tujuan kajian literatur adalah untuk membezakan apa yang telah dikaji daripada apa yang perlu dikaji, mencari pembolehubah yang relevan dengan topik kajian baru, menggabungkan bahagian-bahagian pelbagai penulisan secara berasingan. bahan rujukan, dan dapatkan perspektif baharu tentang topik yang sama. Matlamat lain kajian literatur termasuk mencari pembolehubah yang relevan dengan topik penyelidikan baharu, mencari pembolehubah yang relevan dengan topik penyelidikan baharu, dan mencari pembolehubah yang relevan dengan topik penyelidikan baharu. Selain itu, tujuan kajian literatur adalah untuk mencapai pemahaman tentang kerangka sejarah topik yang menjadi fokus kajian yang sedang dijalankan. Ia menggambarkan perkaitan antara banyak konsep dan prosedur yang relevan dengan penyelidikan yang akan dijalankan.

Salah satu faedah yang paling penting dalam menjalankan kajian literatur ialah menentukan objektif mana yang paling penting. Dalam kebanyakan kes, menjalankan kajian literatur boleh membantu penyelidik dalam membangunkan pemahaman yang lebih jelas tentang objektif penting sesuatu isu yang akan disiasat. Seorang penyelidik juga boleh mendapat manfaat daripada bantuan dalam menentukan istilah dan topik utama dalam penyiasatan dengan melakukan kajian literatur. Selain itu, ia dapat membezakan perkara yang telah diteliti dengan perkara yang sedang dikaji. Apabila seseorang pengkaji melalui proses menjalankan kajian literatur, dia bukan sahaja dapat membezakan antara apa yang telah diteliti dan apa yang sedang dikaji, malah dia juga mampu menggunakan kajian lepas sebagai asas kepada masalah yang sedang berlaku. untuk ditangani. Sebagai contoh, dapatan kajian lepas dapat memberikan beberapa idea segar untuk hala tuju kajian masa depan yang akan dijalankan. Kepentingan sastera juga dapat dilihat secara lebih menyeluruh apabila dilihat dari pelbagai sudut. Seorang penyelidik lazimnya dapat membina sintesis bidang ilmu melalui proses membuat rumusan kajian lepas melalui penggunaan kajian literatur, yang juga membantu memperoleh perspektif baharu untuk meneliti topik tersebut. Dengan kata lain, menjalankan kajian literatur membolehkan penyelidik menumpukan perhatian kepada topik yang akan menjadi subjek kajian.

TRANSKRIP

3.0 TRANSKRIP PENEMUBUAL

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Berikut adalah sesi temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang perfileman. Bersama-sama kami ialah Tuan Rashid Sibir iaitu pengarah filem tersohor di Malaysia. Rakaman ini dirakamkan secara maya berplatform di *Google Meet* pada 30 Disember 2022 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 3 petang. Temubual ini dikendalikan oleh Murshidal Hazwanie binti Fairuzzaki dan Fatin Nur Hananni binti Radzuan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

MHF: Sebelum kami pergi secara lanjut kepada temu bual ni [ini] boleh tak [tidak] tuan perkenalkan serba sedikit pasal diri tuan?

TRS: Oh, saya Rashid Sibir (suara riuh) saya *graduate* [graduan] ITM [Institut Teknologi MARA], Shah Alam [Malaysia] 1991 Ijazah Sarjana Muda Komunikasi. Kemudian saya terus memulakan pekerjaan sampai lah sekarang, itu lah sedikit.

MHF: Oh, boleh saya tahu Rashid Sibir merupakan nama pena atau nama sebenar tuan?

TRS: Memang nama betul saya tak pernah menggunakan nama pena.

MHF: Oh, nama betul.

MHF: Oh, Rashid bin Sibir?

TRS: Ya, Rashid bin Sibir.

MHF: Oh betul, Okey.

FNH: Tuan berasal dari negeri mana ya tuan?

TRS: Saya daripada Batu Pahat, Johor [Malaysia]-

(mencelah)

MHF: -Oh.

TRS: Sekolah Menengah Semerah [Batu Pahat, Johor], kemudian ke *High School* Batu Pahat [Johor] dan kemudian ke ITM, Shah Alam lah.

MHF: Oh, memang dari sejak zaman persekolahan ke tuan meminati bidang perfileman ni?

TRS: Saya idola saya ialah Allahyarham Tan Sri P.Ramlee [Tan Sri Datuk Amar Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh] jadi semua filem-filem dia saya *watch* [tonton] *so* [jadi] daripada situ agaknya kita rasa nak jadi seperti dia. *So* maknanya apabila saya menonton *tv* [televisyen] itu kita berangan. Oh, kalau jadi macam P.Ramlee esok *best* [sedap] ni kot. Jadi memang daripada kecil [kecil] seronok tapi kita tak tahulah [tidak tahu] apa itu pengarah apa itu skrip apa itu bidang filem kan? Bila kita dah masuk di ITM baru (suara burung) kita tahu lah.

MHF: Pada tahun bilakah tuan mula meminati filem-filem Tan Sri P.Ramlee? Pada tahun bila? Pada umur berapa?

TRS: Dari kecil-kecil la saya dari kecil tengok filem P.Ramlee sama gak [juga] juga macam budak-budak sekarang kan? Tujuh tahun semua dah tengok filem P.Ramlee cuma kita meminati kita tak tahu macam mana kita jadi minat nak jadi seperti P.Ramlee lah. Tetapi daripada kecil saya memang dah tengok filem dia.

FNH: Okey, apakah hobi yang diminati oleh tuan ketika waktu lapang?

TRS: Sekarang ke dulu-dulu?

FNH: Dulu boleh, sekarang pun boleh?

TRS: Dulu kita remaja kita banyak *games* [permainan] di luar la bola sepak dan segala benda lah. Sekarang bila *you* [awak] sudah berusia *you* dah banyak masa ke filem kita *almost* [hampir] apa nama masa itu yang pada kita punya filem dan drama je [sahaja] lah. Maknanya kalau waktu lapang saya banyak menulis skrip. Saya akan cari lah idea-idea baru saya tulis ni dulu *so* apabila sesiapa yang nak kita dah ada bahan lah. Saya lebih banyak menumpu pada sekarang ni.

MHF: Memang tuan ada minat atau apa hobi ke menulis dari kecil?

TRS: Takda dari kecil hobi nak menulis takda *once* [sekali] kita dah- itu yang saya cakap tadi bila kita dah bekerja dan baru kita berminat untuk menulis kita punya skrip sendiri. Kebanyakan daripada drama-drama saya semua saya tulis sendiri lah.

MHF: Hebat.

FNH: Okey, bagaimana tuan membahagikan masa diantara hobi dengan kerjaya sekarang ni?

TRS: Hobi dan kerjaya? Hobi tadi menulis skrip sahaja apabila waktu lapang dan saya menulis skrip. Kerjaya apabila saya *shooting* [penggambaran] saya *shooting* lah tidak ada-- masalah pembahagian-- apa nama masa lah takda. Maknanya bila saya *shooting*, saya *shooting* tidak ada apa nama penulisan. Apabila saya menulis maknanya waktu tu [itu] saya *break* lah [rehat]. *So* sekarang ni saya *shooting* dan tidak ada apa nama penulisan itu wujud lah. *Relax* lah [tenang] penulisan itu maksudnya.

MHF: Oh.

FNH: Bolehkah tuan ceritakan sedikit sebanyak tentang kehidupan keluarga tuan?

TRS: Kehidupan keluarga? (Bunyi telefon)

FNH: Yes [Ya] daripada ibu bapa, adik beradik?

TRS: Okey, *alright* [baiklah] saya berasal daripada Batu Pahat, Johor saya ada tiga belas adik beradik. Mak bapak saya [ibu bapa] Sibir bin Demon dah meninggal mak saya dah meninggal. Adik-beradik sekarang tinggal kami hanya tinggal tiga orang. Sepuluh adik-beradik telah meninggal dunia. Kami Kampung Semerah Batu Pahat memang saya setiap bulan akan pulang menjenguk kakak saya lah dan saya ada dua kakak dan saya. Saya anak ke sebelas dari tiga belas adik beradik. Saya anak ke sebelas. Itu sahaja lah.

MHF: Dalam keluarga tuan adakah tuan saja yang menceburkan diri dalam bidang perfileman ni?

TRS: Betul, (menganguk) saya sorang sahaja. Kita pun tak tahu kita pun anak kampung, kita pun tak tahu macam mana kita boleh terjerumus dalam bidang ni. Tapi saya masuk ke ITM disitu barulah kita tahu apa nama kita minat dalam bidang ni. Jadi yang lain takda adik beradik saya tak-- berkecimpung langsung lah.

MHF: Boleh tuan-- bagitahu yang tuan minat karya-karya Allahyarham Tan Sri P.Ramlee tapi pada waktu macam kita selalunya budak-budak membesar selalunya nak jadi polis, doktor dan sebagainya. Tetapi sebelum tuan merasakan diri tuan ingin menjadi seorang pengarah apakah cita-cita pertama tuan pada waktu kecil?

TRS: Saya nak jadi doktor sebenarnya, nak jadi doktor sebab mak saya ni dia ada penyakit semput jadi kadang selalu semput-- semput dan semua oh kena jadi doktor lah sebab nak apa namanya sebab nak mengubati mak saya tetapi apabila mak saya meninggal masa saya berumur tujuh belas tahun selepas habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] jadi selepas habis SPM mak saya meninggal jadi cita-cita itu lupus macam itu saja lah umur lapan belas saya pergi ITM, maknanya saya tak nak kerja jadi doktor lagi lah sebab mak saya dah takda.

MHF: Masa pemilihan kursus di UiTM [Universiti Teknologi MARA] siapakah individu yang menjadi panduan bagi tuan untuk memilih jurusan tersebut?

TRS: Oh, takda dik [adik] masa kita di ITM apabila awak masuk kita ada empat jurusan *Broadcasting* [Penyiaran], *PR- Public Relation* [Perhubungan Awam], *Advertising* [Pengiklanan] dan juga apa satu lagi ek [eh]? Wartawan eh? ada empat jadi sesiapa pilih lah wartawan saya tak reti [tak boleh] menulis- menulis kot waktu itu, PR saya tak pandai nak bercakap, *advertising* saya senorok juga *advertising* tapi bila saya tengok satu lagi *broadcasting*, *broadcasting* dia ada radio dia ada drama dan dia ada filem maka itulah saya pilih kita sebenarnya tidak ada- tidak ada *lecturer* [pensyarah] ataupun tidak ada orang yang apa yang bimbing kita lah ita pilih *because* [sebab] kehendak kita lah *so* apa yang kita nak apa yang bidang kita nak kita pilih.

FNH: Sewaktu tuan Rashid jadi *student* [pelajar] kan pelajar tuan ada masuk pertandingan apa-apa ke macam buat drama pendek ke skrip macam pertandingan yang menjurus ke arah?

TRS: Takda kita punya ITM waktu itu sembilan belas saya masuk 1987 sampai 1991 waktu itu memang tidak ada pertandingan macam sekarang, sekarang ada filem pendek, ada apa nama banyak benda lah dulu takda. Dulu kita buat untuk kita punya subjek saja. Untuk subjek ada pertandingan lah untuk subjek bukan untuk maksudnya bertanding Universiti ataupun apa nama diluar kita punya bidang lah kita macam-macam *broadcasting* tahun kedua kita ada filem *production* [produksi] nama dia *so* kita disuruh oleh *lecturer* untuk membuat satu drama berdurasi dua puluh ke tiga puluh minit dari situ baru-baru *lecturer* pilih lah filem ni dapat nombor berapa-berapa sahaja kita masa itu kurang-kurang apa nama *exposure lah* [pendedahan] sekarang kan *you all* [awak semua] boleh bertanding antara ITM dengan apa nama lain-lain kan? Sebab itu saya cakap sebenarnya *you all* lebih banyak-- peluang yang bagus *so you all* kalau betul-betul minat memang *you* boleh pergi jauh lah daripada kitaorang. Kita memang minat kita tak boleh nak-nak apa kata orang mengharap apa-apa kita kena sendiri pergi kan? Kalau *you* nak pergi TV3 pun masa itu pun *you* kena pergi TV3 lah ke RTM [Radio Televisyen Malaysia] ke tidak ada maknanya satu *exposure* yang dibawa oleh-- apa nama universiti untuk kita lah. Okey.

FNH: Okey, soalan seterusnya apakah pekerjaan pertama sebelum tuan menjadi pengarah filem?

TRS: Okey, saya *graduate*-- 1991 pekerjaan pertama saya ialah menjadi *assistant director* [penolong pengarah] kepada Othman Hj Zainuddin, arwah Othman Hj Zainuddin dia meninggal dah saya praktikal masa itu di Serangkai Filem. Masa kita praktikal dulu kita praktikal enam bulan jadi bila saya praktikal saya pun masuk praktikal filem dan drama jadi apabila saya keluar *graduate*-- saya terus buat apa nama filem dan drama lah tetapi tiga bulan selepas *graduate* saya takda kerja masa tu [itu] kita dah risau dah sebab kawan-kawan lain-- saya *graduate* sebagai pelajar terbaik tau [tahu] 'Kajian Pengajian Am' masa itu *best student* [pelajar terbaik] saya dapat *Dean List* [Anugerah Dekan] lagi. Jadi kita rasa macam bila *graduate* kita mesti dapat kerja tapi tidak waktu itu takda perkerjaan untuk *you all* kena minta sendiri. Jadi saya tunggu-- tiga bulan saya rasa apa kerja saya nak buat tiba-tiba serangkai filem yang tempat saya buat praktikal *call* [telefon] saya, dan kami bekerja dengan dia. Jadi *first* [pertama] saya masa itu *assistant director* gaji saya waktu itu RM1500 untuk *assistant director*. Sekarang *assistant director* gaji dah RM4000 lah begitu kan, itu *first*.

FNH: Di syarikat mana ya tuan?

TRS: Serangkai Filem adik. Kalau *you Google* [membuat carian] ada lagi Serangkai Filem Datuk Habsah Hassan.

MHF: Pada tahun berapa- bila itu tuan mula?

TRS: 1991 selepas *graduate* itu, saya *start* bekerja 1991 saya *start* menjadi *director* untuk *first* drama saya 1993, dan saya *start* mengarah filem pertama saya 1995 daripada sampai sekarang saya dua puluh eh dah *almost thirty years something* [sudah kira-kira tiga puluh tahun] lah kan. Saya memang buat kerja itu saja mengarah dan menulis skrip.

MHF: Jadi, apakah sumber modal bagi tuan semasa tuan ingin menerbitkan sesebuah drama atau filem?

TRS: Macam mana?

MHF: Bagaimana tuan mendapat sumber modal untuk menerbitkan atau menulis drama atau filem?

TRS: Okey, filem-filem kebanyakannya memang bajet 1 *million* [juta] ke atas memang kita kena ada *funder* [pembiaya] lah maksudnya kita ada apa nama (berfikir).

MHF: Bagaimana tuan mendapatkan *funder* itu?

TRS: *Funder* kita mesti kenal ramai orang sebab itu dalam industri ni *you have to* [awak perlu] kenal ramai orang dan kena tahu siapa yang *you* nak. Kata lah Serangkai Filem kita jumpa dia *first* sekali filem saya diterbitkan oleh Azman *Advertising*. Tapi itulah- adalah filem Azman *advertising* saya jumpa dia kita borak-borak kita tahu lah macam mana adakah dia berminat atau tidak untuk drama saya cari kawan-kawan ataupun apa nama lebih kepada personal-- *funder* lah sebab drama-drama kadang-kadang bank tidak mahu memberi *fund* awak kena cari kawan-kawan awak ataupun untuk mendapatkan modal ataupun berjumpa dengan *producer-producer* [penerbit] yang awak dah biasa kerja tadi kan. Jumpa dia tanya dia *and then* [dan kemudian] kita *share-share profit* [kongsi keuntungan] macam itu lah kita dapatkan modal untuk samada bentuk drama atau bentuk filem lah.

MHF: Jadi duit tersebut digunakan sebagai modal untuk menerbitkan drama atau filem jadi bagaimana tuan menghasilkan karya dengan harapan duit itu dapat dikembalikan semula dalam bentuk keuntungan?

TRS: Okey, setiap drama sebelum kita hasilkan kita akan dapat kontrak daripada *station* [stesen]. Bila awak dapat kontrak daripada *station* dia dah nyatakan keuntungan katakan lah satu drama dibeli dengan harga RM100 ribu jadi awak kena buat *less then* [kurang daripada] RM100 ribu lah kata lah awak buat RM80 ribu maka awak ada untung RM20 ribu. *So* yang RM20 ribu lah yang akan share dengan *funder* *so* apabila pihak *funder* tengok modal RM80 *station* beli RM100

maknanya RM20 ribu tolak untung yang akan di share bersama–sama samada *fifty-fifty* [lima puluh-lima puluh] ataupun *sixty-forty* [enam puluh-empat puluh] terpulung kepada perbincangan awak kepada *funder* tadi lah biasa macam itu.

MHF: Selama berkecimpung sebagai seorang pengarah pernah atau tidak tuan mengalami kerugian atau ketidakfahaman antara pihak tuan dan pihak *funder* tersebut?

TRS: Biasanya takda, kecuali drama kita macam lambat disiarkan *station* akan membayar drama awak bila tiga bulan selepas tayangan, *so* kalau dia lambat tayang kita akan menghadapi masalah apa nama yang nak memulangkan balik kepada *funder* lah biasanya *funder* dia *understand* [faham] lah kita biasa cari *funder* yang memang kita kenal rapat saya cakap tadi kan kena rapat dengan dia kenal rapat mudah sikit untuk berbincang. Kalau setakat lambat sebulan dua bulan pada saya industri ini biasa kan kadang-kadang *station* ada tak bayar lima bulan enam bulan ada. Tapi kalau *funder* kawan kita, kita tunjuk kan apa nama kita punya *invoices* [bil] memang dia belum bayar *they have to understand* [mereka perlu faham] lah, biasanya kita tiada masalah lah sama *funder*.

FNH: Okey, siapakah individu yang sentiasa memberi semangat dan dorongan untuk tuan meneruskan kerjaya mengarah filem ni?

TRS: *Family* [Keluarga] lah terutama isteri saya, isteri saya Nurulhuda Azizi kita kadang-kadang dalam industri ni kita kena lebih utama kan *family* orang-orang filem dia kerja *changer location* [perubahan lokasi] habis kerja dia akan balik pada *family* sebenarnya kita lebih kepada *family man* [lelaki yang berkeluarga] *wife* saya memang banyak memberi *supportive* pada saya dan kita share *ideas* [idea] kita share filem apa nak buat drama apa nak buat, pelakon siapa yang nak diambil, kita biasanya berbincang lah kita kena ada yang sorang yang rapat untuk kita bercerita kadang kita ada masalah di *location* nak cerita dekat siapa, balik cerita dekat bini [isteri] lah kan kalau kita takda itu susah jadi kadang awak tengok awak baca dalam *paper* [kertas] pelakon macam ni-- sebenarnya takda di rumah dia tetap *family man* dia tetap juga utamakan keluarga dan mengutamakan anak-anak sebab itu kalau awak baca ramai pelakon-pelakon

sebenarnya apa nama banyak anak-anak dia semua berjaya tau, kan anak-anak masuk universiti tapi kita tidak warwarkan lah kepada dunia tapi ramai ada pelakon pekerja-pekerja saya yang anak dia jadi doktor jadi cikgu, jadi *lawyer* [peguam], jadi *pilot* [juruterbang] sebab kita sepertimana orang lain-lain juga kita pun maksudnya kita ada anak kita ada isteri kita ada *family* ada kawan kan pada saya biasa orang yang paling hampir dengan kita adalah *family* lah.

FNH: Adakah isteri tuan sama kerjayanya, ataupun kerja lain?

TRS: Oh tak dia kerja lain, penyelidik dia kerja dekat Hospital Besar KL [Kuala Lumpur] masa itu tapi selepas kami kahwin dan apa nama dia melahirkan anak dia berhenti kerja lah tapi apabila dia dah berhenti kerja dia dah masuk dalam bidang saya dan hari-hari tengok suami dia bekerja buat filem buat skrip lama-lama minat itu datang lah tetapi dia tidak bukan seorang pengarah bukan seorang penulis skrip, penulis skrip adalah sikit-sikit dia buat tapi dia adalah penerbit untuk syarikat saya lah Opera Klasik penerbitnya Nurulhuda Azizi kalau nampak itu isteri saya lah dan anak-anak saya semua adalah penerbit eksekutif kita lebih kepada *family production* [produksi keluarga] lah.

MHF: Oh, anak-anak tuan ada menunjukkan minat ke dalam bidang perfileman? [masalah internet]

TRS: Takda-- sorang pun yang berminat untuk menjadi pengarah ke, untuk jadi apa nama untuk menjadi pelakon ke, saya sebenarnya memberi kebebasan kepada anak-anak untuk memilih kan dia nak jadi apa-apa pun kita tak paksa macam kita dulu lah macam saya masa kecil mak saya tak pernah cakap pun untuk awak jadi pengarah kan, tetapi jadi pengarah bagi saya benda-benda ni tak payah [tak perlu] diajar anak-anak lah anak-anak dia ada jiwa dia sendiri kata kan awak masuk ITM ni bukan mak awak suruh masuk ITM kan benda-benda itu kita rasa kita pilih kita suka kita buat, pada saya kita seorang bapa kita lebih apa nama *open* [buka] kan *open minded* [pemikiran terbuka] lah jangan *force* [paksa] lah anak-anak esok bila awak ada anak-anak awak *force* untuk buat apa kalau awak nak masuk ITM masuk lah jangan mak kata engkau kena masuk USM [Universiti Sains Malaysia] lah kita nak masuk ITM untuk belajar kot jadi

benda-benda itu harus *open minded* lah. *This is* [ini adalah] tahun 2023 *next year* [tahun hadapan] ni, pada saya minda anak-anak harus diberikan kebebasan untuk berfikir untuk memilih dan untuk terima apa saja lah dalam kehidupan mereka.

FNH: Sebelum itu tuan ada berapa orang anak ya?

TRS: Oh saya ada empat orang, satu wanita (reaksi gelak), satu perempuan tiga laki-laki [lelaki-lelaki]. Okey lagi.

MHF: Selama tuan menerbitkan filem dan drama ni kenapa tema kemasyarakatan atau kekeluargaan dari tema bagi tuan sehinggakan mendapat dorongan atau gelaran sebagai seorang pengarah airmata kenapa begitu?

TRS: Okey, dia sebenarnya [berdehem] pada saya sebagai seorang pengarah ni dia kena tengok di mana dia berasal kalau awak tengok sekarang drama-drama moden, drama-drama apa nama tv semua cerita orang kaya kan sebab orang tengok pengarah dia diorang hasil [sic, asal] orang moden memang pengarah itu memang moden hidupnya memang mudah hidupnya-- ataupun berasal daripada keluarga-keluarga yang kaya kita tak tahu lah. Tetapi *at least* diorang moden. Saya pula berasal dari kampung macam saya cakap mak saya seorang penoreh getah, bapa saya seorang nelayan, jadi saya memang dah biasa hidup susah tetapi susah saya bukan sampai tak makan sebab saya ada tiga belas adik beradik awak ingat itu, kami tak pernah kebulur pun tiga belas adik beradik (batuk) tetapi bagaimana kejayaan seorang ibu dan seorang bapa itu membentuk ataupun menghidupkan tiga belas orang anak itu saya nak tunjuk itu dekat orang-orang sekarang budak-budak sekarang ramai yang sudah rasa hilang *repect* [hormat] yang sudah hilang rasa sayang yang sudah hilang rasa cinta pada mak bapa dia sedangkan mak bapa ni siang malam dik [adik] bekerja untuk korang macam korang sekolah ni pun mak bapa *still* [masih] bagi duit walaupun dapat pinjaman ke segala benda kan tetap mintak [minta] duit dekat mak bapa jadi pada saya benda-benda itu kalau dibiarkan hilang masyarakat akan terus hilang masyarakat kita akan terus pincang masyarakat kita akan terus menghantar mak bapa kita ke rumah orang-orang tua. Saya sebenarnya tidak

menghalang kewujudan rumah orang-orang tua tetapi kita orang melayu kita orang Islam sepatutnya jangan sesekali menghantar mak bapa ke situ sebab mak itu adalah syurga kita kan kenapa kita mesti nak hantar ke rumah orang-orang tua bila *you* hantar ke rumah orang-orang tua erti *you* sudah tidak ada syurga itu jadi saya mengambil inisiatif menghasilkan drama rama yang memang kemasyarakatan drama-drama yang memang dekat dihati jadi “kalau *you* menengok [melihat] *you* menangis kata lah saya buat cerita apa tadi ‘Pondok Buruk’ kan *you* tengok *you* menangis *you* ingat mak *you definitely* [pasti] esok pagi kalau mak ada *you* minta maaf di hari raya kalau mak dah takda *definitely you* ziarah kubur kan pada saya air mata ini adalah apa nama (berfikir) terlalu dekat masyarakat melayu lah air mata itu boleh sama dengan melayu lah kan *you happy you* menangis, *you* sedih mak sakit *you* menangis, *you* dapat sembilan atau sepuluh ‘A’ *you* menangis, *you graduate* menangis mak nangis-nangis dekat bawah anak *graduate* apa itu kan” anak sakit pun menangis, jadi pada saya airmata adalah ingatan-- ini amat penting supaya kalau kita tengok drama pasal mak kita ingat mak kalau kita tengok drama pasal kawan-kawan kita, kita ingat kawan-kawan kita, kalau kita tengok drama pasal ibu-ibu yang teraniaya kita ingat pasal ibu-ibu yang teraniaya jadi saya memang akan terus lah menghasilkan drama-drama ini dan kebanyakan drama-drama saya yang awak tengok sekarang ini adalah drama-drama yang sewaktu saya usia muda. Usia 20-an, 30-an sekarang dah 50-an jadi kebanyakan daripada drama tersebut memang nak meninggalkan satu kesan kepada penonton macam idola saya Allahyarham Tan Sri P.Ramlee filem dia sampai sekarang orang tengok anak saya tengok, anak awak tengok semua orang tengok kenapa sebab filem dia mudah difaham dia dekat dengan hati kita bila *fun* (ketawa) ketawa bila sedih pun sedih lah saya dulu (sedawa) *final* [akhir] saya buat *thesis* [tesis] pasal cerita ‘Semerah Padi’ awak tengok cerita ‘Semerah Padi’ P.Ramlee, bagaimana P.Ramlee cuba menyelit unsur keislaman dekat situ bagaimana dia berzina dengan darah lepastu dia kena sular kan. Jadi P.Ramlee meletakkan imej islam betul-betul dalam filem itu, dan filem itu pada saya antara filem *heavy* [berat] terbaik Allahyarham Tan Sri P.Ramlee masa dia muda tau apabila di peringkat umur ke 40-an dia meninggal pada umur empat puluh tujuh tahun kan. Dia meninggal sebelum itu dia banyak buat filem-filem komedi ja. Jadi pada saya kita punya tahap macam maksudnya *the best* [yang terbaik] yang masa ada dekat

you lah zaman muda kan bila *you* tua *you* makin lama makin *slow* kita sebenarnya menghasilkan drama-drama apa yang ada pada waktu itu, kita tidak mencari daripada saya, saya mengekalkan saja lah apa yang saya buat masa saya muda dan drama drama mestilah drama yang menyentuh hati drama-drama membuat anak-anak derhaka *respect* ibu bapa dia, anak-anak yang dah lama tak balik kampung bila dia tengok drama saya dia teringin nak balik kampung jadi daripada situ saya mendapatkan apa nama jolokan air mata sebab kebanyakan drama raya saya semua menangis jadi pada saya, saya menganggap pengiktirafan sebagai satu pujian walaupun saya tak kisah sebenarnya saya hidup tidak leka dengan puji dan mati dengan kutukan saya buat yang terbaik saya rasa bila sesuatu benda saya *start* buat saya mesti pastikan apa saya buat terbaik sampai orang minat cerita kita dan sampai orang dapat merasakan oh alamak macam pondok buruk ini dah dua puluh tahun saya buat ‘Pondok Buruk’ lebih kurang 2003 ke 4 macam itu saya lupa dah tetapi sampai sekarang 2020 *almost twenty years* [hampir dua puluh tahun] setiap tahun astro mengulang tayang drama tersebut hampir setiap tahun lah orang akan menangis menontonnya, jadi pada saya *you all* harus memilih genre kan sebenarnya awak bukan akan jadi pengarah awak ambil bidang apa sebenarnya saya lupa tanya?

MHF: Saya dalam bidang pengurusan kandungan maklumat.

TRS: Awak akan keluar bekerja sebagai apa itu agaknya?

MHF: Saya keluar boleh jadi *content creator* [pencipta kandungan] penulis atau pembuat *design applications* [aplikasi reka bentuk].

TRS: Oh, bukan macam bukan seorang pengarah macam saya lah.

MHF: Tidak.

TRS: Bukan eh, okey takpa *at least content provider* [sekurang-kurangnya pembekal kandungan] ke apa *you* kena pilih konten-konten *you* nak pilih kan *you* kena *make sure* [memastikan] apa yang *you* pilih benda yang *you* nak, benda yang boleh mengangkat apa nama kehidupan kita yang boleh memperbaiki

kehidupan kita darjat kehidupan seseorang ini kita saja ja yang angkat kalau kita tak mengangkat kehidupan kita siapa nak tolong angkat betul, jadi saya berbangga seorang pengarah saya dapat memberi, paling tidak ingatan kepada penonton paling tidak esok apabila mereka melihat oh drama ini Rashid Sibir *direct* eh, oh Rashid Sibir dah meninggal dah pun, dah meninggal kita sedekahkan lah Al-fatihah dekat dia. *Life* [Kehidupan] memang macam itu macam kita tengok filem P.Ramlee alamak filem ini sedekah kan lah Al-fatihah jadi benda-benda macam ini pada saya kita kena guna kita punya untuk saham akhirat lah. Kita diberi oleh Allah Subhanahuwataala untuk berkarya, kita diberi oleh Allah Subhanahuwataala untuk membuat orang yang bagi rasa itu sebagai satu doa lah konon-kononya kan kita berdoa “Ya Allah bagi lah anak-anak ini baik macam mana nak anak-anak ini baik” kita kena tunjuk drama-drama yang dimana dia dah jahat pada mak dia pastu mak dia berdoa pada Allah Subhanahuwataala jadi dia ingat balik ini anak dia *and then* anak dia menjadi baik lebih kurang macam itu lah.

FNH: Okey, pernahkah tuan terfikir untuk mengarah drama atau filem yang tidak bertemakan kemasyarakatan atau kekeluargaan seperti aksi atau seram misalnya?

TRS: Sebab saya dah pilih kemasyarakatan jadi aksi pun saya buat, drama saya banyak adik saya menghasilkan banyak drama saya pun kadang-kadang lupa tetapi kita memang ada buat filem aksi, drama aksi kita juga ada buat filem cinta, kita ada buat filem cinta drama cinta banyak sangat-sangat kita ada juga buat apa nama komedi ‘Pengantin Popular’ awak tengok nanti *youtube* awak tengok pengantin popular drama komedi Ogy Mat Daud [Fauziah binti Ahmad Daud] dan Erma Fatima [Fatimah Rahmad Ali] itu pun komedi saya bermula dengan komedi sebenarnya, kemudian saya seronok buat komedi sebab orang seronok. Lepastu saya cakap kalau orang tengok komedi harini esok dia dah lupa kan kalau awak tengok malam raya awak tengok komedi. Esok pagi mesti awak lupa cerita apa semalam dia takda lekat dihati, tapi apabila buat cerita masyarakat awak tengok malam tadi alamak kesianya mak dia ini esok pagi pergi rumah mak, rumah kawan *you* cerita lah drama *you* tengok kan jadi bagi saya benda ini penting sebagai seorang pengarah filem ataupun sebagai seorang

pengarah drama atau apa-apa pekerjaan lah yang akan awak buat benda ini penting *you* kena memastikan apa yang *you* buat sebenarnya boleh memberi manfaat kepada orang lain kalau tidak sia-sia ja kita punya pekerjaan, pekerjaan yang hanya mendapatkan gaji ataupun mendapatkan apa nama duit kan. *You* kena ada matlamat perjuangan hidup mesti ada matlamat kalau awak jadi penerbit apa ke esok awak kena *make sure* [memastikan] apa yang awak buat mesti bagus, mesti memberi manfaat kepada orang lain.

MHF: Sebagai seorang pengarah kan yang dah lama berkecimpung dalam bidang ini pernah tak tuan terfikir macam nak tuan tersalah pilih arah atau ada benda lain yang tuan nak cebur selain bidang perfileman?

TRS: Okey, satu benda kita belajar daripada kehidupan ini kita tak boleh makan semua kan kalau awak takkan awak nak jadi doktor aku sebenarnya minat jadi cikgu lah nak jadi cikgu pula, lepastu nak jadi *pilot* [juruterbang] semua itu tak boleh. Pilih satu je lah dan apabila benda yang *you* pilih itu *you* kena *make sure* benda itu terbaik awak tak boleh patah balik katakan lah awak nak jadi doktor tiba-tiba aku taknak jadi doktor lah aku nak jadi *pilot* mana ada masa lagi dah untuk awak jadi *pilot* kan umur kita tak panjang jadi saya memilih untuk bidang ini apa nama dulu berangan nak jadi kaya apa nama mat saleh di dunia luar anak-anak seni pelakon, pengarah, *producer* janji anak seni adalah antara manusia yang paling kaya dan paling mewah diluar negara okey, tetapi di malaysia takda sebab kita takda royalti maknanya setiap drama *you* ditayang di *station*, *station* akan beli 100 peratus dan *station* boleh tayang di mana-mana tempat tanpa memberikan apa pada awak. Tapi diluar negara lain. Diluar negara contoh Elizabeth Taylor [Dame Elizabeth Rosemond Taylor] dia sakit pun dia *still* di hospital kelas A tanpa buat apa-apa pun dan dia meninggalkan dekat situ ditaja oleh hospital hasil daripada duit-duit drama dan filem-filem dia. Filem-filem 'Cleopatra' dia belakon berpuluh tahun dah tetapi *still* dijual di negara-negara luar dan *still* mereka mendapat apa nama royalti. Jadi dengan royalti itu lah merek hidup tetapi di Malaysia takda eh kita takda royalti sebab itu P.Ramlee meninggal dalam keadaan teramat daif dia meninggal dalam keadaan yang amat miskin duit-duit dia juga jenis manusia yang apa nama-

(mencelah)

MHF: -Pemurah.

TRS: Dia bersedekah dekat orang dia bagi kawan-kawan dia sampai dia takda duit pun takpa tetapi akhirnya dia meninggal dalam keadaan yang begitu daif dan begitu pada kita kita aduh kesian betul kan tetapi itulah bidang dia lepas dia meninggal lepatu dah habis sama juga dengan bidang yang awak pilih pun kata lah awak jadi *pilot* pun takkan lah sampai tujuh puluh tahun lagi awak nak jadi *pilot* takdelah pun kan awak akan duduk dibawah juga pada saya bagi *once you* pilih apa yang *you* nak buat tiada penyesalan lah *there not turning back* [tidak boleh patah balik] bagi saya yang berumur 50-an ini nak pusing macam mana lagi dah kan tak boleh dah kita bersyukur dengan apa yang Allah Subhanahuwataala bagi *the best* bagaimana nak terus hidup apa nama mengharungi kehidupan ini selagi kita belum dipanggil pulang, dah panggil pulang esok barulah kita nak tukar-tukar apapun lah kan.

MHF: Tadi tuan ada menyebut rakyat Malaysia- artis-artis atau anak seni di Malaysia ini kurang kekayaan berbanding anak-anak seni di luar negara pernah tak tekanan tersebut menjatuhkan motivasi tuan?

TRS: Macam mana?

MHF: Tuan pernah sebut tadi yang anak-anak seni di Malaysia ini tak kaya macam anak-anak seni diluar negara pernah tak tuan terfikir atau apakah tuan, motivasi tuan untuk meneruskan bidang ini disebalik kekangan tersebut?

TRS: Oh, takda kita sebab itu kita cakap tadi eh saya ambil contoh saya bagi awak contoh Datuk Yusuf Haslam lah, Datuk Yusuf Haslam adalah antara *producer* dan *director* yang paling kaya di Malaysia dia pernah apa nama buat Sembilu 6 juta masa itu *collection* [koleksi] dia, dia di panggil *six million dollar man* [lelaki enam juta dolar] kemudian setiap filem dia semua berjuta-juta. Tetapi juta-juta dia bukan juta-juta yang macam *suppose to have* [kira ada] maksud saya kalau awak tengok '*Avatar*'- sekali dapat sampai *billion collection* [kutipan bilion] walaupun the world [di dunia] filem kita hanya ditayang di

Malaysia saja sampai saja filem di Malaysia filem tersebut dilupakan kan kita buat lagi filem baru tetapi Datuk Yusof Haslam tetap meneruskan perjuangan dan sekarang legasi dia di ambil oleh anak-anak dia Syamsul Yusof dan juga-

(mencelah)

MHF: -Syafiq Yusof

TRS: Syafiq kan diambil oleh anak-anak dia meneruskan jadi dia tidak pernah- *back off* [mundur] tidak pernah oh aku nak *stop* [berhenti] lah takda kita kena mengharungi dan kita kena bersyukur dengan apa yang kita ada kita kena jalan terus *we have to fight for our life* [kita harus berjuang untuk hidup kita] maksudnya tiada siapa yang akan membantu awak bila awak dalam keterukan atau bila awak rasa alamak bayar murah. ke takda kita kena teruskan seperti biasa macam apa yang kita pilih *so* kena jalan terus dan tidak ada *turn back* [patah balik] langsung kita [gangguan internet] berada dalam keadaan ini apa nama kesusahan tetapi tidak menyesal lah sebab itu awak tengok pelakon kita sampai tua dia berlakon, awak tengok Fauziah Nawi awak tengok Norlia Ramli [sic, Norlia Ghani] awak tengok Jalil Hamid [Abdul Jalil bin Abdul Hamid] kan pelakon-pelakon otai ini daripada muda dia berlakon sampai sekarang di berlakon walaupun mereka dibayar sedikit. Tetapi mereka tetap berlakon sebab pekerjaan seni ini dia *passion* [minat] dia jiwa [gangguan internet] dia punya bakat tak boleh diubah dia *for sure* [sudah tentu] untuk buat. Jadi pada saya *no turning back* [tidak berpatah balik] untuk orang-orang seni ini.

FNH: Okey, apakah anugerah yang tuan telah perolehi sepanjang menjadi pengarah?

TRS: Okey, banyak awak kena tengok apa *list-list* [senarai-senari] di *Google* tau. Saya banyak menang anugerah pengarah terbaik untuk apa nama 'telemovie' di TV3, pengarah siri terbaik untuk TV3, saya menang juga untuk 'Lelaki Kiriman Tuhan' pengarah terbaik saya juga menang pengarah baru terbaik untuk 'Sutera Putih', saya juga menang banyak drama seperti 'tanah kubur', 'Pondok Buruk' di dalam 'Anugerah Oscar' tau. Saya juga mendapat *best script writer* [penulis terbaik] untuk drama apa nama satu drama di TV3 lupa pulak [pula] saya 'Ratu Jamu' saya buat skrip saya dapat *best script writer*. Selain daripada itu,

‘Anugerah Oscar’ anugerah pekerja-pekerja filem memang banyak saya dapat lah nanti awak boleh *Google* awak boleh tengok apa anugerah-anugerah dekat situ okey.

MHF: Tuan, adakah anugerah-anugerah tersebut menjadi salah satu falsafah atau motivasi tuan untuk meneruskan kerja ini?

TRS: Okey, saya sendiri tidak _____ untuk _____ anugerah kita saya bekerja secara baik apabila sebagai *director* tapi tidak pernah mengejar anugerah, kan saya bekerja sama juga macam apa nama Allahyarham Tan sri P.Ramlee dia buat buat buat ja tiba-tiba sampai satu ketika filem dia terbaik sampai orang Jepun taktau nak bagi dia apa *last-last* [akhir-akhir] dia bagi *the most versatile director* [pengarah yang paling serba boleh] dia boleh menyanyi dia boleh berlakon dia boleh menulis skrip, mengarah dia boleh segala benda. Jadi pada kita pun *you all* pun nanti untuk bila membuat sesuatu benda jangan kejar anugerah lah. Anugerah akan datang sendiri apabila apa nama pekerjaan yang *you* buat adalah yang terbaik. Cumanya sesiapa yang mendapat anugerah dia rasa macam dihargai itu saja. Pada saya anugerah ini dia mengangkat imej seseorang itulah [bunyi bersin]. Selain daripada itu, anugerah sebagai pemanis dalam kita punya pekerjaan kan orang dapat anugerah dia dapat anugerah *best director* lah *so* benda itu sebagai pemangkin untuk memberi apa nama kata orang menambah dalam biodata itu tetapi bukan lah bekerja untuk mendapat anugerah takda.

FNH: Adakah tuan ada satu *quotes* [kata-kata] atau kata-kata semangat dalam diri tuan sewaktu kejatuhan ke *down* [jatuh]?

TRS: Oh, ada kita sebenarnya satu kita jangan apa nama mudah putus asa jangan mudah hilang semangat kita jangan mudah dengar kata orang _____ kita kena membangun dan *move on* pada saya apa-apa yang berlaku contoh yang paling dekat PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] kan bila covid dalam masa dua tahun itu memang *give up* [putus asa] sebab kita takda kerja kan pekerjaan kita adalah untuk dapat duit bila *you* tak kerja takda duit gunung-ganang setinggi apa-gunung ledang pun masih simpan bila PKP habis dik kan sebab itu kita takda

duit tetapi kita tak boleh mengalah lah kita tetap bersyukur pada saya, saya sentiasa menjadikan diri saya seorang manusia yang bersyukur sentiasa berusaha, sentiasa bergerak jangan sekali *stop* kalau *you stop* maka *there is the end of your life [akan tamatkan kehidupan awak] lah* jangan mengalah. Sentiasa berserah sentiasa berdoa dan tawakal Insya-Allah kita kena percaya pada rezeki Allah Subhanahuwataala lah, dapat sikit harini kita *spend* [simpan] sikit dapat banyak *you* boleh beli ikan jenahak, dapat sikit *you* beli ikan bilis je lah (bunyi telefon) makan tetap makan maksudnya hidup ini mesti diteruskan, okey. Apa lagi-.

FNH: Semasa tuan, sepanjang tuan menerbitkan filem kan apakah cabaran yang tuan pernah alami?

TRS: Cabaran banyak apa Fatin eh, banyak cabaran dia *you deal* [awak berurusan] *with human* [anda berurusan dengan manusia] kan bagaimana *you* nak *deal* [awak berurusan] dengan pelakon, bagaimana nak *deal* [berurusan] dengan modal, bagaimana *you deal* apa nama dengan *enviroment* [sekeliling], bagaimana *you* nak *deal* [awak berurusan] dengan pengurusan semua buat filem ataupun buat drama adalah *work with problem* [bekerja dengan masalah] betul tak *you* takda maknanya tidak ada yang mudah tapi bagaimana kita mengatasi itu kita punya kejayaan, bagaimana kita mengatasi masalah-masalah yang berlaku tadi maksudnya apa pun cabaran yang datang *you* tak boleh nak lari kadang-kadang ada pelakon yang tiba-tiba suka hati ja nak tinggalkan set pun ada waktu tengah *shooting* tiba-tiba pergi tanya *assistant* “Oh dia dah balik” dia boleh buat suka hati kita ja kadang-kadang begitu juga dengan lokasi awak tengah-tengah *shooting* tiba-tiba tuan rumah kata okey saya tak nak awak *shooting* dah awak pergi balik ada juga jadi bagaimana kita nak mengatasi itu yang- yang paling penting dalam hidup saya lah bagaimana nak mengatasi cabaran yang datang bukan untuk menghadapi-- semua orang kena hadapi macam katakan lah awak taknak makan awak eh tak dapat makan awak kena cari makanan kan, cari makan-makan *so* esok cari lagi tapi cuba awak mengatasi makan tu mungkin awak rasa oh esok puasa lah tak payah la makan makan tu je lah cara mengatasi tu lebih penting daripada kita cara menghadapi cabaran walau apapun hidup ini sentiasa dicabar kalau awak tak dicabar dah mati lah

kan dalam kubur tu dah takda cabaran dah tapi selagi kita ada cabaran selagi kita ada dugaan selagi tu lah kita mesti meneruskan kehidupan.

FNH: Tuan ada perkatakan tadi yang contohnya cabaran dia pelakon itu tinggalkan set kan so tuan ada trauma tak nak ambil pelakon itu?

TRS: Dia trauma-trauma takda, kita takkan ambil lagi trauma takda sebab pelakon-pelakon ini kadang-kadang dia rasa dalam satu ketika itu dia *hero* [wira] kan? Dia besar dia boleh tinggalkan set, dia boleh pergi balik semua saya akan menghabiskan drama itu katakan ada *shooting* lagi sebulan ke dua bulan kita tetap kena habiskan tetapi apabila *next project* [projek seterusnya] bila keluar lagi drama namanya “Fatin, oh Fatin ini kita tak mahu ambil dah”, tapi tidak trauma tetapi saya merasakan bahawa dalam pembikinan drama ini ataupun filem kita *teamwork* [kerja kumpulan] so kalau awak rasa pelakon itu tidak boleh memberikan *teamwork* yang bagus *that is* [itu dia] lah tak payah lah ambil lagi kan, saya selalu macam itu tapi saya tidak *banned* [tidak menyekat] cuma saya takkan ambil dia lagi. Kita tetap jadi sahabat, kita tetap jumpa “hai, hoi-hoi kan hai-hai, *bye-bye* [selamat tinggal]” tapi kita tidak merasakan bahawa *next drama* [drama seterusnya] kita ambil dia takpayah [takperlu] macam itu lah saya mudah sahaja orang tak boleh bekerja dengan awak, tak *respect* awak takpayah ambil dia langsung, tapi kita kena meneruskan lah.

FNH: Semasa pandemik covid-19 apakah cabaran tuan dalam penerbitkan filem?

TSR: Okey, masa pandemik *almost* kita takda *job* [pekerjaan] tau *almost three for four month* [hampir tiga ke empat bulan] takda kerja tapi kita bagaimana kita membahagikan ataupun kita apa nama maksudnya gunakan duit yang kita ada selepas itu baru kita-- dan banyak masa itu pekerja-pekerja kita, pekerja-pekerja filem kita krew-krew kita memang takda duit takda penempatan, takda makanan memang masa itu satu apa nama zaman yang amat kritikal untuk orang seni B40 kot susah sangat B40 tak susah sangat sebab diaorang masih lagi bekerja kan , Penjawat Awam masih lagi bekerja gaji diorang kerajaan tak potong tapi gaji kitaorang bukan dipotong langsung takda jadi cabaran untuk kita sebenarnya memang terlalu tinggi lah tidak boleh orang cakap nak gambarkan orang filem

ini memang terlalu tabah. Pada saya orang filem masa PKP memang manusia-manusia yang kuat, memang manusia-manusia yang *strong* [kuat] ramai juga yang balik kampung ataupun yang tidak mahu meneruskan tapi kemudian apabila industri naik balik mereka masih lagi bekerja jadi pada ketika PKP itu semua orang- terlebihnya-lebihnya orang-orang seni kata lah saya ambil contoh pelakon veteran kan, pelakon veteran kalau masa ada kerja depa [mereka] ada duit. Dia dibayar walaupun sedikit tetapi dia dibayar tetapi kalau zaman PKP memang langsung takda duit jadi awak sendiri kena bayangkan macam mana kehidupan mereka waktu itu kan. *It is very sad* [sangat sedih] lah, *it is very* [sangat] satu keadaan yang meruntuhkan semangat tetapi awak kena bergeraklah saya dalam masa tiga bulan takda kerja *so the next month* [jadi bulan hadapan] kita kena kerja. Lebih kepada menolong orang masa PKP, dan alhamdulillah lah dah melalui apa nama PKP dan kita doa jangan ada PKP ada lagi lah kalau ada pkp lagi pengsan satu dunia satu dunia pengsan kan, jadi kita kena pandai mengurus lah (suara riuh) kata lah awak cuma ada RM0.10 sen bagaimana nak uruskan RM0.10 sen untuk kehidupan RM0.05 sen beli ini ke, RM0.02 sen beli ini, RM0.03 sen beli ni ke yang tak penting jangan dibeli yang penting ja Insya-Allah pada saya kita dah dapat satu pengajaran daripada Allah Subhanahuwataala supaya kita lebih bijak menguruskan atau kita lebih bijak untuk menjalankan kehidupan kita lah Insya-Allah.

FNH: Sewaktu pandemik, tuan ada masalah kesihatan ke?

TRS: Eh, semua orang ada (mengangguk mengiyakan). Saya kena covid masa itu tengah--*shooting* ada covid kita *break almost ten days* [berehat hampir sepuluh hari] lah. Krew kena, pelakon kena semua orang kene tapi kita kena *go on living* [teruskan hidup] lah kan. Sebab industri kita yang paling *last* [terakhir] sekali dibebaskan. Industri kita lah yang apa nama pembikinan drama, filem, ataupun lebih kepada seni, semua paling *last* sekali dibebaskan kan. *Mall* [gedung beli-belah] dah bukak [buka], salun dah bukak, kedai gunting rambut dah buka baru *last* kita orang seni dibebaskan untuk bekerja. *So*, benda itu memang *very tough* [sangat mencabar] lah.

MHF: Tuan ada menyebut kan semasa covid ramai yang terjejas termasuk tuan sendiri. Macam mana tuan mengatasi atau menghadapi masalah tersebut dari segi kewangan dan kesihatan?

TRS: Kita sebenarnya tidak boleh mengatasi atau tidak boleh apa kata orang tadi mengharungi tahu, *you have to go on* je [awak perlu hadapi sahaja] dengan apa yang kita ada tadi macam saya cakap kalau *you* ada 10 sen bagaimana *you adjust* [awak sesuaikan] 10 sen sebab duit tak ada masuk adik. Tapi bagaimana *you* nak *go on living*, jadi benda-- semua itu pada saya pergi kepada pengurusan lah bagaimana *you* menguruskan kehidupan *you* kan tidak ada siapa yang akan mengajar *you* ataupun tidak ada siapa yang akan datang membantu tidak ada. Tapi, bagaimana *you* menguruskan kehidupan dan kita kadang-- orang-- seni ini bukan dapat banyak [berpendapatan tinggi] jadi dia kena simpan kan dia tidak boleh belanja banyak. Bila belanja banyak berlaku PKP, memang banyak hancur lah hidup kita (tersenyum). Jadi, bagaimana awak menguruskan kehidupan awak lah bergantung kepada kepekaan atau bergantung kepada tanggungjawab awak terhadap apa yang awak nampak. Kata lah (berdehem) kawan awak datang meminjam duit, kata lah dia nak pinjam RM 100 tapi awak cuma ada sepuluh ringgit maka beri dia sepuluh ringgit. Kita tak boleh nak beri dia RM100, jadi benda-- macam itu yang kita-- harus atur kewangan kita, kita harus atur bagaimana perjalanan hidup kita kan (mengiya). Kalau kita kata lah nak bayar kereta bulan ini tak payah bayar, bulan depan kena bayar lah kan. Nanti bulan depan tak payah lah bayar pula kita kena-- *adjust* lah-

(mencelah)

MHF: -Adakah pada waktu tersebut tuan mempunyai sebarang simpanan atau pekerjaan sambilan yang tuan lakukan untuk dapatkan modal maksud saya mendapatkan duit semasa PKP?

TRS: Eh, kita semasa PKP memang kita tak buat drama pun. Saya ada restoran, saya buat *online business* [perniagaan dalam talian] *online* makanan lah. Insya-Allah lah masa PKP itu, Alhamdulillah lah (ketawa) orang tak keluar rumah jadi kita menghantar makanan kepada orang ataupun *deliver* [menghantar] ataupun *food*

delivery [penghantaran makanan] kita apa nama ambil daripada situ kita juga, saya juga manusia suka menyimpan jadi Insha-Allah lah kita masih lagi boleh meneruskan kehidupan lah. Tetapi, masa itupun bank banyak bagi kita bayar murah sana sini banyak tolong lah. *So*, pada saya *Malaysian* [rakyat Malaysia] pun banyak membantu rakyat lah tapi kita sendiri sebenarnya yang harus pandai untuk apa nama menentukan jalan mana hidup kita lah.

FNH: Bagaimanakah tuan mendapatkan rehat yang cukup untuk melegakan tekanan ketika buat penggambaran itu?

TRS: Kita biasanya tidak ada waktu rehat. Saya kalau contoh *shooting* macam saya cakap dengan Murshidal kalau kita *shooting* sekali dua minggu, *so* kita *stay* [tinggal] dua minggu. Kita tidak ada cuti tapi bagaimana *you* nak berehat itu lah selepas waktu *shooting*. *So*, maknanya malam kita jangan lah *shooting* sampai lewat pagi, kita *shooting* pukul dua belas *and then* [selepas itu] kita balik kita tidur. *So* bagaimana- esok kata lah petang hari ini saya petang karang ada lagi *shooting*, *so* esok kita *start* [mula] lambat lah. Kata lah *you* habis pagi, sampai dua pagi *so then next day you start* [jadi untuk hari seterusnya] pukul sepuluh pagi kata lah hari ini *you* dapat balik pukul lapan, esok boleh lah *start* pukul tujuh pagi macam itu lah *so we arrange* [susun] jadual kita *at the same time* [pada masa yang sama] kita berehat pada waktu itu. Kita bukan ambil masa tengah-- *shooting* oh nak rehat takda. Kita kena *finish* [habiskan] kan drama kita baru kita berehat lah. Biasa saya mengatur setiap kali satu drama satu minggu kita *rest* [rehat] pastu ada seminggu ataupun tiga kali kita *rest depends* [bergantung] *on* kita punya projek lah. Kita mengatur masa untuk kita rehat lah.

FNH: Kebiasaan tuan rehat tu memang tidur lah ataupun buat hobi ke?

TRS: Takda mana ada tidur. Kita rehat cuma tak kerja. Kita bila kita kerja kata lah awak *student* [pelajar] kan awak belajar sabtu, ahad waktu *rest* mana awak tidur pun kan banyak benda kita kena buat cumanya kita tidak *shooting*. *Rest* kita diambil daripada sudut kita tidak *shooting* masa itu lah kita *rest* kan badan kita

mind [minda] kita kan lepak bersama anak-anak, *family* ke kawan-kawan ke pergi tengok wayang ke macam itu lah (bunyi riuh).

MHF: Apakah cabaran bagi tuan semasa penggambaran pada waktu covid dan waktu sekarang yang mana lebih sukar untuk tuan hadapi?

TRS: Masa covid setiap orang cabaran paling teruk masa covid kita tak boleh *shooting* lama, kita tidak boleh *touching* [bersentuhan], kita tidak boleh duduk dekat-dekat untuk *shooting*, kita tidak boleh apa nama *SOP* [Prosedur Operasi Standard] dia terlalu kuat lah tapi kita sebenarnya orang filem ini boleh mengatasi boleh tipu walaupun macam nampak dalam filem itu rapat tapi sebenarnya kita jauh-- ja. Kita boleh buat *close up* [dekat-dekat] walaupun dia duduk hujung meja sana tapi dalam filem itu dalam tv itu nampak rapat-- pun. Itu kelebihan orang filem ini sebab itu saya kata apabila kerajaan melepaskan kita hujung-- wow kita parah sangat padahal kita boleh mengatur kerja kita lebih hebat daripada orang pergi *mall* itu. Orang pergi *mall* walau macam mana pun dia tetap jalan ramai-- jumpa *mall* lepastu dia pegang juga baju yang orang lain pegang lepas pegang kasi [bagi] *try* [cuba] tapi kita drama tak ada. Kita tahu macam mana nak bekerja bagaimana meletakkan *location* [lokasi] itu bagaimana nak letak orang itu sebenarnya orang kita lebih bersedia untuk menghadapi pandemik dari orang-- luar tetapi cabaran itu kuat lah. Sekarang lebih mudah lebih bebas bekerja kan tak ada apa-- sangat lah.

MHF: Apakah perubahan yang ketara penggambaran yang di lakukan sebelum pandemik berlakunya covid-19 dan selepas endemik covid-19?

TRS: _ _ _ _ _ bagi saya yang dah bekerja lama, (suara riuh) apabila sahaja berlaku pandemik kita kena ikut kita punya SOP dan apabila lepas habis pandemik macam biasa lah tidak ada tekanan langsung untuk kita *shooting* lah.

FNH: Okey, apakah pendapat tuan tentang perkembangan filem dari aspek teknologi di Malaysia dahulu dan sekarang?

TRS: Okey, di Malaysia perkembangan tidak terlalu apa kata kemuncak. Kita memang ada pembaharuan kita memang ada apa nama kehebatan tetapi tidak sehebat dunia lain. Malaysia pada saya mungkin dalam dua puluh tiga puluh peratus saja. Kita masih lagi membuat cerita yang sama kita masih lagi menggunakan teknologi yang sama kita masih lagi pelakon-pelakon yang sama dulu dua puluh tahun lagi masih ada sedangkan di dunia lain kata lah contoh kita ambil Korea, bagaimana Korea berkembang dengan begitu pesat sekali, Mat Salleh jangan cakap lah kan bagaimana Mat Salleh boleh buat filem 'Avatar' kita tak boleh buat filem 'Avatar', bagaimana Mat Salleh membuat cerita 'Aquaman' kita masih lagi tak boleh buat filem 'Aquaman', tengok tak 'Aquaman' ?

FNH dan MHF : [Mengangguk]

TRS: Masih lagi tak boleh buat jadi perkembangan kita memang ada tetapi tidak apa kata orang terus lari 100 peratus takda. Kita masih lagi di takuk lama kita masih lagi menghasilkan filem-filem cinta, kita masih lagi menghasilkan filem-filem hantu, kita masih lagi menghasilkan filem-filem yang sama beberapa tahun yang lalu sedangkan di negara luar dia dah berkembang terlalu pesat. Awak nak mencari isu-isu cinta pun tak banyak dah kan dia dah pergi kepada isu-isu yang lebih global, isu-isu yang lebih apa kata orang mengenai politik, *politician* [ahli politik], kita masih lagi tak boleh buat cerita-- macam itu. Jadi pada saya, *in terms of* [dalam aspek] perkembangan, filem Malaysia tidak banyak berkembang masih lagi di takuk lama cuma perkembangan itu tidak terlalu ketara lah masih nampak ada perkembangan tetapi amat sedikit lah.

MHF: Bagi pendapat tuan kan, mengapakah perkembangan perfileman di Malaysia ini terbantut berbanding dengan negara-negara lain adakah disebabkan kewangan?

TRS: Okey, kewangan pun satu tapi satu pada saya yang paling ketara sekali ialah kita tidak ada sokongan kerajaan maksud saya tidak ada sokongan kerajaan ialah bagaimana sebuah filem luar boleh dijual di negara kita? Kenapa filem kita tidak boleh dijual ke luar? Saya ambil contoh yang paling dekat sekali di Indonesia lah. Bagaimana filem Indonesia setiap bulan masuk ke panggung kita dengan

pelakon-pelakon baru dengan direktor-direktor baru dan dengan cerita-cerita tema yang baru tetapi filem kita? Kan nak tayang dekat Indonesia pun susah, kata lah Indonesia jauh, ke Singapura pun susah. Filem kita hanya boleh ditayangkan di Singapura, Indonesia, dan juga Brunei. Itupun amat jarang-- kenapa? Kerana tidak adanya sokongan daripada kerajaan. Kementerian kita tidak membuat *barter trade* [sistem barter] kenapa tidak kalau filem kata lah drama sekarang 'sinetron' Indonesia, 'sinetron' Indonesia bawa masuk di Malaysia sikit lah punya banyak okay berlambak-lambak sinetron Indonesia tetapi filem kita? Filem kita ada? Tak ada. Cuba dia buat *barter trade*, dia masuk kita punya tiga puluh episod kita pun mewajibkan drama kita tiga puluh episod ditayangkan di sana. Baru ada *give and take* [memberi dan menerima] baru lah drama kita boleh ditonton di negara luar. Itu tadi saya cakap kalau tidak adanya (bunyi burung) apa nama bantuan kerajaan atau tidak adanya sokongan padu daripada kerajaan, industri drama kita dan industri filem kita akan sama lah. Saya dah tiga puluh tahun masih lagi sama macam tahun saya bermula buat filem, awak pun nanti esok dua puluh lima puluh tahun pun akan sama awak akan ingat bagaimana Rashid Sibir cakap dulu "Oh sama lah filem kita", ini mungkin akan berlaku sebab tidak adanya satu sokongan padu sedangkan di Korea-- lah negara yang paling teruk industri dia tahun tujuh puluhan lapan puluhan memang teruk ia tidak berkembang mana pun tetapi awak tengok sembilan puluhan dengan 2022 kan filem dia begitu hebat pembikinan dia begitu hebat dan pada saya kerana adanya sokongan padu daripada kerajaan *so* kerajaan dia boleh bawa keluar filem dia. Filem kita tak boleh nak bawa keluar sebab tidak ada bantuan yang khusus daripada kerajaan. Insha-Allah pada saya, kalau kementerian komunikasi dan digital sekarang ini bantu Insha-Allah filem kita boleh pergi luar. Saya pun hairan kenapa filem-filem kita tidak boleh langsung bawa keluar sedangkan filem-filem kita pun jauh lebih baik daripada Indonesia, jauh lebih baik daripada Singapura kan tapi *you* boleh tengok filem Singapura tapi kalau *you* pergi Singapura *you* ingat dia nak tayang filem *you* ? Takda kan *you* pergi Indonesia filem Indonesia sikit punya banyak dekat kita artis-artis Indonesia sikit punya banyak buat konsert. Di Indonesia ada? Tak ada. *Why?* Kerana kita tidak kuat kita tidak apa kata orang tidak mewajibkan diorang melayarkan filem kita sebagaimana kita mewajibkan untuk melayarkan filem diorang. Macam itu lah.

FNH: Setakat filem-filem yang tuan siarkan di Malaysia dekat luar negara ada ke antara filem yang terkenal?

TRS: Tak ada (menggeling kepala). Filem kita di Malaysia hanya ditayang filem saya hanya ditayangkan itu hari di Singapura dan Brunei. Kami buat *promotion* [promosi] di Brunei, 'Laila Isabella' tapi filem itu tidak ditayangkan di luar negara seperti juga filem yang paling hebat ini apa nama 'Mat Kilau' kan. 'Mat Kilau' pun cuba ditayangkan di Indonesia saja tak ditayangkan di luar negara pun sebab kita tidak ada sokongan. Pada saya nak bawa filem keluar *you still* membawa nama Malaysia kan. Orang akan tanya filem ini datang daripada mana daripada Malaysia tak kan orang tanya filem ini datang dari mana, Syamsul Yusof. Siapa Syamsul Yusof? Kan, cuba *you* bawa Malaysia. Filem ini daripada mana? Malaysia. *So, Malaysia are selling it* [yang mempromosikannya]. Sama juga dengan Qatar buat Piala *World Cup*, sekelip mata ja orang kenal Qatar. Kenapa? Kerana Qatar hebat, dia boleh berpijak di bumi yang nyata dia kata dia nak buat macam ini dia nak naikkan Islam. Kerana apa? Kerana dia ada kuasa dan dia menggunakan kuasa tersebut kepada luar negara sampai tidak ada alkohol di apa nama di stadium kan? Sedangkan dulu semua orang minum arak semasa menonton. Jadi macam itu sepatutnya kita-- kena *step down* [turun] dan beritahu pada dunia bahawa *this is Malaysian* [inilah rakyat Malaysia] baru kita boleh berjaya, Insha-Allah.

FNH: Adakah semasa penggambaran ada perkara mistik yang pernah berlaku? Contohnya, 'Tanah Kubur'.

TRS: Okey, filem 'Tanah Kubur' adalah filem memang selalu *shooting* di kubur, *confirm* [semestinya] lah hantu kubur datang (penemubual ketawa), *confirm* lah ada benda-benda yang apa nama mengacau tapi *so far* [setakat ini] dia tidak ada kacau kita lah. Agaknya dia tahu oh dia ini kerja jujur kerja ikhlas lah ini kan malam-malam apa nama duduk kat kubur pukul satu, dua pagi kan *so far* tidak ada benda-- yang boleh maksudnya mencatatkan penggambaran lah. Kalau sikit-sikit krew nampak orang *cross* [melintas], sikit-sikit badan dia kena cuit

atau sikit-sikit nampak pocong melompat, itu normal. Tetapi secara-- yang boleh mencatatkan penggambaran tak ada. Insha-Allah semua okey lah *so far*.

MHF: Semasa penggambaran tersebut, adakah tuan mengamalkan apa-apa bacaan doa atau pendinding diri tuan dan krew-krew yang lain juga?

TRS: Okey, kita sebagai umat Islam *confirm* kita ada benda itu kan *you* kena hafal ayat-ayat yang *you* boleh baca bila berhadapan dengan benda-benda halus, *you* kena baca doa setiap kali penggambaran nak bermula, *you* kena apa nama kata orang ayat kursi itu kena hafal gila-gila banyak benda yang kita tahu sebab kita orang melayu, kita orang Islam, Insha-Allah *you* nak kerja dimana-mana *you* bawa apa yang mak bapa *you* ajar, guru-guru *you* ajar, Insha-Allah kita memang mengamalkan apa nama pelindung untuk semua orang lah.

FNH: Jadi, tuan tak memanggil orang yang mahir lah dalam bidang contohnya ustaz ke apa dalam set penggambaran tu?

TRS: _ _ _ _ _ kita sama kita memang setakat baca doa setakat baca-baca itu semua kita ada kita memang benda boleh buat sendiri jadi kami krew sentiasa berjaga-jaga lah kecuali kalau ada yang kena rasuk baru kita panggil tapi *so far* itu tak ada lah untuk kita punya 'Tanah Kubur'. Kita pun ada Tok Adi (Nasir Bilal Khan), hebat Tok Adi kita itu (berdehem) jadi kita sama kita menjaga sama kita lah Insha-Allah tak ada-- dikacau oleh hantu-hantu yang memang tak nak balik lah kan lepas kita orang balik hantu itu pun balik juga kan jadi, tak ada.

MHF: Sepanjang penggambaran itu kan, pernah tak kejadian yang pernah terjadi yang mengganggu penggambaran tersebut selain daripada rasuk atau yang lain-lain?

TRS: Tak ada *so far* kita bila kita *shooting*, sebab itu pada saya pengurusan penggambaran itu amat penting. Sebelum kita *shooting*, kita akan buat *recce* [pemerhatian] *recce* itu katanya mencari *location*, mencari artis, menentukan di mana lokasi kita benda itu berjalan selama satu minggu. Jadi, dalam satu minggu kalau *you* punya pengurusan bagus, Insha-Allah tidak ada benda-- yang berlaku. Hari kelapan *you* dah *wrap* [selesai]. *So far*, saya amat mementingkan

pengurusan sebelum *shooting*, artis buat hal ke apa kita dah tahu. *Location* ini macam mana *so* kita dah mengatasi masalah itu sebelum kita *shooting* Insha-Allah segala-galanya akan apa lebih mudah untuk kita bergerak lah. *So far*, tak ada yang boleh mencacatkan sebab saya dah lama dalam industri ini kita dah boleh *control* kita punya apa nama masalah-- dia dah jadi macam tak ada rosak lah (senyum). Senang ja (berdehem).

MHF: Apa pendapat tuan, apa tuan lakukan kalau tuan sudah sedaya upaya untuk mengawal situasi tersebut untuk jadi lancar penggambaran tersebut kan? Tapi pernah tak kejadian yang terjadi secara tiba-tiba, apakah tindakan tuan untuk menghadapi masalah tersebut?

TRS: Okey, satu masalah yang berlaku secara tiba-tiba ini macam saya cakap tadi artis tiba-tiba balik kan. Itu perkara-perkara lain biasanya jarang krew-krew apa nama *location* (batuk) sebenarnya tidak pernah mendatangkan apa-apa masalah *so* apabila artis itu balik kita kena *break*-- selepas itu kita kena jangan- kata lah dia lari balik pagi, sama ada kita *break* terus *break* satu hari lepas itu kita tanya dia esok nak datang ke tak. Kata lah esok dia tak nak datang kita tukar jadual lah. Saya biasanya apa pun masalah yang berlaku kita jangan *stop* [berhenti] *shooting* sebab jadual kita dah *fixed* [ditetapkan] kalau jadual artis A tak nak *shooting* nanti dia akan kacau kepada jadual artis B kan. Jadi pada saya, *you have to* ada *plan* B dalam setiap kita punya perancangan. Pengurusan itu amat penting kan. Artis lari, tetap boleh *shooting* nanti eh Rashid *shooting* juga ke artis dia lari? Boleh, sebab kita ada artis lain yang boleh berlakon (sedawa) jadi pada saya bagaimana awak-- melihat masalah itu dan bagaimana awak mencari penyelesaian itu masalah itu. *It is more important thing* daripada *you* buat hal, pergi *report* [lapor] polis buat apa kan? Takda hal punya saya jarang, saya kalau dia tak boleh datang harini [hari ini] esok tanya dia datang ke tak? Kalau esok dia kata dia tak nak datang kita akan tukar jadual tetapi dia kena datang juga sebab dia dah *sign* [tanda] dengan kita kan. Cuma dia nak tunjuk lagak kita satu hari ke dua hari lantak dia lepastu [lepas itu] esok dia datang kita tendang lah dia balik kan (penemubual ketawa). _ _ _ _ _ banyak benda dia kena buat berkali-kali. Macam itu lah.

MHF: Bagi tuan sendiri kan? Apakah ciri-ciri seorang pelakon yang tuan suka atau yang diperlukan dalam sesebuah penggambaran itu?

TRS: Okey, kalau awak tengok pelakon-pelakon yang ada di dalam filem P.Ramlee (batuk), pelakon-pelakonya nya sama ja. S.Shamsuddin [Shamsuddin bin Dali], Aziz Sattar [Datuk Abdul Aziz bin Sattar], Mariani [Siti Mariam binti Ismail], Normadiah [Norma binti Abdullah] pusing balik nanti ada Zaiton [Zaiton bin Abdul Hamid], ada S.Shamsuddin ada Aziz Satar pusing-pusing itulah orangnya. Kenapa? Kerana dia selesa bekerja dengan orang itu dan orang itu memahami dia dan juga orang itu memahami kerja. Artis harus apa nama faham apa kerja diorang, harus apa nama boleh memberi yang terbaik kepada pengarah baru lah pengarah akan pilih dia. Jadi, saya biasanya kalau awak tengok drama hari raya saya pun Fauziah Nawawi, Rosyam Nor [Datuk Mohamed Noor bin Shamsuddin] nanti pusing balik ada Fauziah Nawawi, pusing lagi ada Rosyam Nor, Norlia Ramli. Banyak pelakon-pelakon saya ialah pelakon yang sama sahaja sebab pelakon-pelakon ini boleh memberi apa yang kita nak boleh memberikan kita kepuasan. Sebab itu kriteria utama seorang pelakon, dia kena *understand* [faham] dan dia kena memahami bahawa dia adalah seorang pelakon dan dia wajib memberi yang terbaik. Pelakon-pelakon macam itu saja yang saya akan pilih. Pelakon-- yang hanya menyusahkan keadaan lari daripada *set*, sekali sahaja lah *shooting* dengan saya lepastu kita tak ambil lagi dah. Itu dia.

MHF: Selain daripada pelakon, apakah faktor-faktor lain yang tuan utamakan untuk menghasilkan sesebuah filem?

TRS: Semua benda. Sebenarnya itu saya kata, krew penting, *make up* artis penting, *location manager* [pengurus lokasi] penting, perancangan kita penting. Semua yang jadikan ini sebagai satu *team work* [kerja kumpulan]. Kita bukan pakai pelakon saja, penjaga makanan pun penting jangan nanti bila nak *shooting* dah habis *shooting* makanan tak ada kan. Penjaga makanan itu sebenarnya lagi penting bila krew lapar krew nak makan. Jadi pada saya, semua benda. Nanti kalau awak melihat latar penerbitan sebuah filem dari awal dia adalah modal, bagaimana kita nak mencari modal, bagaimana kita nak menentukan

keuntungan, bagaimana kita nak menjalankan penggambaran dalam waktu yang kita rancang kata lah sepuluh hari mesti siap sepuluh hari jangan lepas sebelas hari sebab kalau lepas sebelas hari bajet kita akan bertambah untuk satu hari. Jadi, benda-- itu penting. Semua benda dalam menghasilkan filem ataupun drama mesti diambil kira. Sekecil-kecilnya sampailah kepada apa nama penyewaan van penyewaan kereta, benda itu semua penting. Orang yang ambil artis pun penting. Awak dah datang pukul lapan pagi kalau orang yang ambil artis itu kita panggil *runner* [utusan] datang pukul dua belas setengah hari dah tak boleh dapat ikut jadual kan semua penting. Jadi saya dalam pembikinan drama dan filem, daripada A sampai Z, sekecil-kecil zarah waima pun semua penting. Dia tidak ada yang tak penting. Kalau awak hanya memandang pelakon itu saja penting, silap lah. *Production* [pengeluaran] itu mesti akan kucar kacir sebab awak tengok pelakon hebat habis pekerja krew tak hebat. Jadi pada saya semua, kita harus memandang semua sudut lah.

FNH: Okey, apakah tindakan yang tuan ambil apabila penggambaran perlu ditangguhkan?

TRS: Okey, kalau perlu ditangguhkan kita akan menyusun balik jadual, kita akan minta kerjasama daripada pelakon-pelakon kadang bila dah tangguh, pelakon akan menghadapi masalah satu hari dua hari. Jadi, kena minta balik kerjasama semua orang terlalu penting sebab itu saya cakap tadi kalau ada masalah kita akan tukar kepada jadual lain ataupun kita akan masukkan artis lain dulu. *Then*, kita akan pergi kepada masalah sebab apa ditangguhkan. Apa masalah ditangguhkan? Kata lah *equipment* [peralatan] rosak, *so you* kena cari *equipment* baru. Pelakon tak datang? *So, you* cari pelakon-pelakon baru. Segalagalanya mesti diatasi dengan secepat mungkin supaya dia tidak menjadi apa nama merosakkan *production*, mesti kena cepat mengatasi.

FNH: Kalau dari segi cuaca macam mana ya tuan?

TRS: Cuaca biasanya kalau tengah-- *shooting* waktu hujan, kita akan berehat dulu tetapi, kalau dah hujan satu hari itu kita sediakan payung lah. Kita *shooting* dalam hujan lah. Kita tukar babak itu kalau babak tadi tak ada hujan, kita tukar

lah dia turun dari kereta pakai payung kan benda-- itu semua kena ubah supaya kita dapat. Dalam rumah tak apa tak ada masalah. Kadang kita boleh *shooting* luar hujan, kita lari dalam rumah tapi kalau nak *shooting* juga artis itu pada hari itu dan buat dah hari itu hujan, maka kita *shooting* juga di dalam hujan. Persediaan itu amat penting. Penukaran *scene* [babak], penukaran dialog semua penting supaya dapat maknanya kita dapat balik apa nama ikut jadual kita.

MHF: Bagi pandangan tuan, betul atau tidak kejayaan sesebuah filem terletak kepada rupa paras pelakon filem tersebut?

TRS: Okey, pelakon yang cantik tak *last longer* [tahan lama], bila dia berumur lima puluh tahun kecantikan dia akan *faded* [pudar] tapi pelakon yang datang dengan bakat dia akan *still maintain* [masih kekal] sampai bila-bila. Contohnya, yang ada sekarang, Jalil Hamid, Fauziah Nawi, daripada muda sampai sekarang Ogy Mat Daud walaupun muka dia dah berubah jadi tua tapi orang masih suka tengok dia berlakon sebab kerana bakat bukan pada paras rupa. Filem *even* [walau] awak tengok kata lah Julia Roberts [Julia Fiona Roberts], Julia Roberts sekarang pun muka dah teruk tapi *acting* [lakonan] dia tetap bagus sebab dia berbakat. Bukan macam filem kita asyik nak letak pelakon-pelakon yang cantik tetapi kayu. Itu hanya pada saya hanya akan lebih merosakkan kualiti sesebuah filem. Filem ataupun drama mesti didahului dengan bakat pelakon bukan rupa paras pelakon. Rupa paras ini kalau awak tengok Ifa Raziah [Saripah Raziah binti Mustapha], kejam-kejam pipi dia kembang kejam-kejam pipi dia kecut kejam-kejam bibir dia kembang, Dato-- Vida [Dato Sri Hasmiza binti Othaman] kan esok awak perasan gambar dia eh bibir dia kecil hari ini bibir dia besar macam rumah. Semua benda itu semua depa [mereka] boleh buat, jadi pada saya kecantikan ini dia tidak membantu kejayaan sesebuah filem tetapi, dia penting. alright, maksudnya kalau *you* nak cari *heroin* [pelakon utama wanita], *heroin* kena cantiklah tapi *heroin* itu juga mesti berbakat kan kalau cantik ja tapi kayu orang tak tengok juga filem *you*. Jadi dia mesti cantik dan berbakat, benda ini akan berjalan seiring tetapi yang paling penting bakat. Kalau tengok pelakon-pelakon lain yang dulu-dulu pun macam Normadiah bukan cantik sangat pun tetapi dia adalah antara pelakon-pelakon hebat waktu itu sebab dia boleh

berlakon jadi mak, jadi ibu tiri kan, jadi komedi. Jadi pada saya, bakat paling utama lah.

FNH: Okey, apakah pandangan tuan terhadap kurangnya minat penonton dalam menyokong filem tempatan?

TRS: Macam mana? (bingung)

FNH: Apakah pandangan tuan terhadap kurangnya minat penonton dalam menyokong filem tempatan?

TRS: Okey, sebab itu tadi saya cakap filem kita harus keluar daripada *genre* biasa. Kalau asyik-asyik cerita ‘Hantu Bonceng’, cerita ‘Jangan Pandang Belakang’, cerita apa nama Rahim yang naik basikal. Makna *genre* harus berubah sebab itu apabila filem apa nama filem ‘Mat Kilau’ ditayangkan, ‘Mat Kilau’ adalah *genre* filem terbaru. Belum ada lagi filem seperti ‘Mat Kilau’, penjajahan, apa nama orang melayu di-- lemahkan, orang melayu dituduh itu ini. Jadi, benda-- itu orang tengok. Seratus juta *collection* [kutipan] dia, jadi adalah tidak mustahil filem kita juga boleh mendapat lebih 100 juta satu hari nanti. Lebih dari itu, sebab kita tak pernah sangka filem kita dapat *collection* 100 juta. Kenapa? Bila awak kata filem melayu ketandusan penonton sebenarnya tidak. Dia *depends on content* [bergantung pada kandungan] sesebuah filem itu. Kalau *content* itu bagus orang pergi tengok punya. Filem yang baru lepas itu hari cerita ‘Air force’ [Air Force The Movie: Selagi Bernyawa] pasal jet, pasal perjuangan kan semua orang tengok kan lepastu ‘Abang Long Fadil’ pun orang tengok. Jadi pada saya, yang menjual filem adalah *content* dan juga siapa pelakon siapa pembikin dan benda-- ini sebenarnya apabila orang nampak yang terbaik orang akan tengok tapi kalau satu filem yang orang tengok alah cerita macam itu juga. *First* sebelum dia pergi tengok dia merasakan dia tak akan tengok filem itu jadi macam mana kita nak salahkan penonton kan. Jadi, penonton ini dia ada hak sebab dia ada duit, dia punya duit nak beli tiket jadi kalau dia tengok filem itu alamak dia tengok promo *trailer* [sedutan] dalam apa nama dalam *handphone* [telefon bimbit] itu kan dia tengok alamak macam ini ke filem melayu, *so* dia tak tengok tapi kalau *you* tengok satu promo fuh hebat ini mesti dia akan pergi

kan. Jadi segalanya pada saya, bagaimana penonton nak ditarik ke panggung adalah bergantung pada mutu ataupun kualiti ataupun inti pati sesebuah filem itu. Kalau filem itu hebat memang boleh pergi jauh dan pada saya, ‘Mat Kilau’ dah membuktikan bahawa filem kita ada penonton bukan tak ada penonton. 100 juta untuk ditonton oleh orang melayu adalah tersangat besar bagi saya. Okay.

MHF: Bagi tuan sendiri kan, mengapa kebanyakan filem masa kini gagal meninggalkan kesan yang mendalam sebagaimana Almarhum Tan Sri. P.Ramlee lakukan dahulu?

TRS: Sebab itu saya cakap tadi, dia berbalik kepada *content* dia dan juga berbalik kepada bagaimana nak menarik penonton datang ke panggung. Filem P.Ramlee dulu dibuat tidak ada filem lain kan filem P.Ramlee saja lah dan ada beberapa filem yang datang daripada pembikin-pembikin India jadi filem-filem waktu itu semua ditonton sebab masyarakat kita dahagakan hiburan tetapi sekarang ini terlalu banyak filem. Filem Cina, filem India, filem Melayu, filem Inggeris banyak filem. Jadi, bagaimana nak menarik penonton datang ke panggung? Jadi mesti *content* kita lebih hebat kan (mengiyakan). *You* tak boleh buat cerita yang lebih kurang cerita P.Ramlee ataupun cerita yang komedi-komedi bodoh, tak mahu orang tak nak tengok dah. Awak tengok satu filem hindi lah katakan Shah Rukh Khan dengan Kajol [Kajol Mukherjee], tengok diorang *shooting* tak *shooting* kat India pun. Dia *shooting* dekat *France*, dia *shooting* dekat *Italy*, dia *shooting* dekat *location-location* yang memang hebat seluruh dunia. *Why?* Kerana mereka nak memberikan satu gambaran yang lain daripada apa yang pernah diorang bagi jadi filem kita kena macam itu. *So*, titik tolak kepada filem kita ialah modal, kalau kita memang ada duit kita boleh buat filem ‘Avatar’ lebih hebat daripada ‘Avatar’ kita boleh buat filem yang lebih hebat daripada ‘Star Trek’, semua kita boleh buat.

MHF: Bagi tuan sendiri kan, kandungan filem yang diterbitkan dalam Malaysia ini selalunya ditentukan oleh penonton Malaysia atau oleh pengarah itu sendiri?

TRS: Okey, sepatutnya kandungan filem kita [pengarah] yang tentukan sebab kita nak buat filem kita dan kita yakin orang akan menonton tetapi, filem Malaysia

biasanya ditonton oleh cita rasa penonton. Kita akan tengok nak buat filem *heavy*, oh tak boleh tengok lah tak boleh lah buat filem ini sebab nanti penonton tak akan tengok. Maka, kita boleh buat lah filem romantik komedi. Kalau tahun-tahun dulu mungkin lah 90an saya buat “Laila Isabella”, *time* [masa] itu memang orang seronok gila cerita romantik komedi. Tahun ini mungkin orang dah tak suka cerita macam itu kan. Mungkin orang nak tengok cerita macam apa nama ‘Mat Kilau’. Jadi pada saya, kita yang menentukan macam Syamsul Yusof buat ‘Mat Kilau’ pun dia tak ikut apa penonton nak kan. Dia buat ikut apa yang dia nak jadi apabila dia nak dia rasa filem dia kan boleh pergi, dia buat. Dan Alhamdulillah filem tersebut membuktikan bahawa orang-orang melayu datang berduyun-duyun untuk menonton filem melayu yang dibuat oleh orang-orang melayu. Jadi pada saya, kita sebagai seorang pembikin filem yang kena menentukan apa kriteria apa *genre* yang kita nak untuk dihidangkan kepada penonton.

FNH: Pada pandangan tuan, adakah wajar filem yang kurang menyentuh perihal kehidupan seharian masyarakat ditayangkan?

TRS: Saya sebenarnya mengizinkan semua jenis filem ditayangkan. Janji pembikinannya bagus inti patinya bagus dan semua ceritanya boleh dijadikan pedoman ataupun secara-- amnya boleh dijadikan tauladan walaupun cerita-cerita itu kadang-kadang *you* tengok tak ada apalah cerita ini tapi mungkin ada satu benda yang boleh memberi impak kepada penonton yang lain. *You* tak merasakan bahawa alah susahnya hidup orang kampung ini tapi orang kampung tengok dia akan dapat terima. Kalau orang kaya bawa Lamborghini, *you* kata apalah Lamborghini tetapi orang kaya bangga sebab itulah realiti orang kaya. Jadi pada saya, di dalam sesebuah filem tersebut kita kena tengok apa yang ada yang boleh kita jadikan kebaikan kepada kita kan. Memang kadang ada filem yang kita tengok adoi [aduh] apa lah filem ini kan (mengiyakan) langsung tak memberi jiwa. *So*, tak payah lah tengok filem macam itu tapi saya akan salahkan penonton kalau tak tengok filem-filem yang bagus filem-filem yang berjiwa yang sebenarnya memberi kebaikan, itu kena tengok.

MHF: Tadi tuan ada menyebut minatnya tuan terhadap karya-karya Tan Sri P.Ramlee, pada pandangan tuan sendiri, apakah ciri-ciri Almarhum Tan Sri P.Ramlee ada yang membuat kan tuan meminati beliau?

TRS: Okey, satu cerita dia tadi yang saya cakap cerita dia adalah cerita masyarakat cerita dia lebih dekat dengan kita dan cerita dia tak merapu. Kalau awak tengok cerita dia *even* cerita komedi cerita 'Bujang Lapok' dia lah 'Seniman Bujang Lapok' dia lah dengan cerita-cerita *heavy* dia lah. Semua cerita masyarakat waktu itu. Cerita 'Antara Dua Darjat' begitu hebat pada waktu itu. Semua cerita memang berlaku pada waktu itu. Jadi, P.Ramlee dia tidak pergi jauh-jauh, dia tak nak-- buat satu cerita khayalan dongeng tau. Dia buat cerita yang memang dekat dengan kita jadi "bila orang-- kampung tengok, alamak cerita dia, orang setingan tengok alamak terasa, orang kaya tengok pun terasa". Jadi pada saya, ciri-ciri yang ada pada dia memang tak ada *almost* [hampir] tak ada lah kepada generasi kita sekarang. Saya rasa kita sekarang suka buat cerita-cerita macam orang kaya-kaya tetapi melupakan orang bawah. Asyik buat cerita orang bawah tapi orang bawah pun tak terasa kan. *You* buat komedi-komedi sapa komedi ini kan. P.Ramlee dulu tak ada lah buat komedi-komedi gila sangat tapi apabila dialog-dialog nya bercakap itu yang membuat kita rasa komedi. Jadi, kriteria-kriteria yang ada pada P.Ramlee ini sepatutnya dipelajari oleh *student-student* [pelajar-pelajar] mesti ambil kira ataupun *at least* diorang boleh tahu untuk menjadi seorang pembikin yang bagus, *you* kena ada macam mana P.Ramlee __ *you* kena kaji ciri-ciri yang ada di dalam apa nama diri P.Ramlee barulah *you* boleh menjadi seorang pembikin filem yang bagus. (bunyi azan)

MHF: Pada pendapat tuan sendiri, apakah kemahiran utama yang perlu dititik beratkan dalam bidang perfileman?

TRS: Ulang balik--.

MHF: Pada pandangan tuan, apakah kemahiran utama yang diperlukan dititik beratkan dalam bidang perfileman? (Bunyi telefon bimbit)

TRS: Kalau pada saya, bidang perfileman adalah bidang kemahiran yang-- maksima maksunya *you* dah masuk- *you* tak boleh main-main. Semua benda *you* kena titik beratkan, kalau *you* seorang atau direktor atau fotografi, *you* kena faham kena mahir dalam bidang peralatan. Seorang pelakon kena mahir dalam bidang pekerjaan dia, direktor kena mahir kena tahu pasal *shot* [suntikan] pasal *angle* [sudut] pasal segala benda skrip dan semua benda lah. Pada saya, bidang ini adalah satu bidang yang memang amat mencabar satu bidang yang bukan main-main satu bidang yang memang *everybody should* [semua orang perlu] apa nama apa kata orang mengangkat martabat kita sendiri. Orang filem harus angkat martabat sendiri dan bukan tunggu orang untuk angkat martabat kita. Kita yang kena angkat. Indonesia dulu hanyalah filem-filem yang biasa saja tetapi sekarang filem dia sudah ditayangkan di Oscar, sudah ditayangkan di festival France. Filem kita masih lagi sama, jadi pada saya setiap orang yang nak masuk dalam industri ini harus bertungkus-lumus memastikan bahawa filem kita memang boleh pergi jauh dan boleh diiktiraf satu dunia. Insha-Allah.

FNH: Okey, apa pendapat tuan apakah kriteria yang penting untuk menjadi seorang pengarah yang berjaya?

TRS: Okey, untuk menjadi seorang pengarah yang berjaya, *you* kena faham apa itu kerja seorang pengarah. Pengarah bukan sahaja *action cut* [potong tindakan], pengarah dia kena faham *content* ataupun *story* dia kemudian, dia kena berinteraksi dengan pelakon, dia kena berinteraksi dengan krew maksudnya pengarah adalah orang yang mengawal menyelia *location* itu kalau dia gagal, gagal lah. Jadi untuk menjadi seorang pengarah *you* kena *understand* satu *the whole thing* [semua aspek], satu pusingan kehidupan di dalam penggambaran itu *you* mesti tahu. Bukan saja *you* baik dengan pelakon atau *you* baik dengan *producer* tetapi *you* kena baik dengan krew, *you* kena baik dengan apa nama budak buat air, *you* kena baik dengan jiran-jiran tetangga. Jadi pada saya, kriteria yang paling utama yang pengarah perlu ada adalah jangan berlagak, jangan sombong, jangan mengaku awak yang terbaik tetapi kena sentiasa merendah diri dan sentiasa mencari jalan yang terbaik bagi bagaimana nak menyelesaikan masalah. Jangan cepat panik, kalau apa-apa hal menjerit sana menjerit sini itu tak bagus, dia kena jaga dia punya kredibiliti kita, kita kena

jaga kita punya martabat barulah seorang pengarah itu dinilai daripada hasil kerja dia bukan dinilai daripada dia. Orang sebenarnya tak kenal siapa pengarah pun tak apa tapi hasil kerja dia harus membuktikan dia lah itu. Macam P.Ramlee apabila hasil kerja P.Ramlee semua *gred A* barulah orang cakap P.Ramlee *gred A* tapi kalau filem yang kita tengok *gred C* takkan orang nak cakap dia *gred A*, barang nak dinilai adalah filem dia hasil dia. Jadi pada saya, hasil itu lebih penting daripada diri seorang pengarah itu lah.

FNH: Okey, apakah persiapan fizikal dan mental yang diperlukan untuk generasi akan datang yang menceburi bidang ini?

TRS: Okey, itu tadi berbalik kepada jangan mudah mengalah, budak-budak sekarang jangan cepat putus asa, budak-budak sekarang juga harus tahu apa yang dia buat ertinya kalau dia rasa dia buat tak betul mengaku salah, kalau-jangan sombong. Kalau awak rasa awak dah kecilkan hati orang tadi minta maaf. Pada saya, budak-budak generasi sekarang ini dia kurang intergriti, dia kurang maruah diri, dia merasakan bahawa dia seorang yang terbaik, dia seorang yang pandai, dia seorang yang hebat tanpa menilai ataupun melihat orang bawah dia. Dia ingat bila dia jadi pengarah itu dia hebat apabila dia jadi pelakon itu dia hebat sedangkan ada orang bawah itu lebih hebat cuma orang bawah itu tak tunjuk kat dia ja. Pada saya, kita kena menjadi apa nama orang yang memahami persekitaran yang boleh bekerjasama dan jangan sesekali mendabik dada. Jangan sesekali anggap awak *the best* [terbaik] sebab ada orang yang lebih baik dari kita. Itu kena ada. Okey.

MHF: Bagi tuan sendiri kan, apakah keistimewaan bidang perfileman ini bagi tuan?

TRS: Pada saya tidak ada istimewanya pun, sama saja. Setiap bidang dia beristimewa tak istimewa ini bergantung pada orang yang memasuki bidang itu. Kata lah awak *model* [peragawati], awak tahu oh bidang ini istimewa. Saya tak tahu pun bidang awak istimewa. Macam saya seorang pengarah, oh bidang saya istimewa tetapi awak tak tahu pun istimewa itu apa. Pada saya, istimewa sesuatu benda sesuatu bidang itu bergantung kepada penerimaan seseorang itu dalam bidang masing-masing. Saya tak boleh nak cakap apa istimewa bidang filem ini kan

sama juga kalau awak berjumpa dengan orang awak bekerja apa pun awak berjumpa dengan orang, awak hadapi masalah bidang lain pun menghadapi masalah kan cumanya agaknya bidang ini yang paling istimewanya sebab di keluar tv atau keluar wayang kan. Awak ditonton oleh orang lain awak ditengok oleh orang lain, agaknya itulah kot istimewa nya kot kan. Filem kita maksudnya ditayangkan kepada media ataupun ditayangkan kepada orang ramai untuk ditonton. Selain daripada itu pada saya sama saja, kehidupan tetap diteruskan walau awak seorang pelakon ke pengarah ke tetap apa nama benda itu kena berjalan lah. Istimewa nya yang *you all* yang menghadapi, *you all* yang melalui maka *you all* yang akan faham apa sesuatu istimewanya sesuatu benda itu.

MHF: Bagi tuan sendiri kan, bagaimanakah cara menginterpretasikan makna filem?

TRS: Okey, interpretasi filem ini bukan benda kecil, dia satu benda terlalu besar terlalu mega terlalu kompleks. Setiap orang ada interpretasi sendiri. Pada saya, filem adalah gambar yang bergerak, gambar yang bercerita, gambar yang memberi tahu, gambar yang boleh membuat anda sedih, gambar yang boleh membuat anda gembira, gambar yang boleh membuat anda bergaduh sesama sendiri dan gambar yang boleh membuat anda bertaubat. Filem adalah *story line* [jalan cerita], filem ada kehidupan. Pada saya, filem ada *life* [hidup]. *Filem is life* [filem adalah suatu kehidupan]. Apa yang ditunjukkan dalam filem itu ada *life* yang kita cipta, *life* yang kita nak buat, *life yang* kita rasa hari ini kita nak cerita pasal anak yatim esok nak cerita pasal mafia lusa kita nak cerita pasal apa nama OKU [orang kurang upaya] *so it's all about life* [jadi semua berkaitan dengan kehidupan]. Pada saya, siapa yang melihat filem sesiapa yang boleh bercerita pasal filem adalah manusia-manusia yang dianugerahkan oleh Allah satu bakat di mana dia boleh bercerita dan orang boleh tengok. Tak banyak filem kita bila *you* rasa macam filem itu bercerita. Bila macam menayangkan sesuatu yang *you* rasa *you* wajib tengok. Jadi pada saya, filem-filem di luar negara terutama filem-filem barat, filem-filem Hindi ataupun filem-filem Tamil ialah sebuah filem bercerita mengenai masyarakat dia. Filem kita kurang. Filem kita kurang bercerita mengenai masyarakat kita tidak seperti Cina, tidak seperti filem Korea, tidak juga seperti cerita Tamil yang memang bercerita pasal kesusahan hidup dia pasal bagaimana manusia ditindas bagaimana manusia-

manusia bergaduh sesama sendiri. *Filem is life*. Pada saya satu manifesto yang amat besar satu manifesto yang bukan semua orang dapat definisikan filem itu tetapi apabila awak menengok kalau awak dapat merasa filem, itulah dia. Dia *about life* yang boleh rasa tentang kehidupan. Itu lah. Pada saya lah.

FNH: Apakah alatan yang digunakan semasa membuat penggambaran?

TRS: Alatan maksudnya apa? (menongkat dagu)

FNH: Maksudnya kamera dan selain kamera?

TRS: Ah, kamera lah (ketawa). Kita menggunakan kamera dalam menghasilkan filem dan pelbagai jenis kamera kita ada Sony, Panasonic, apa nama Canon semua benda kita pakai. Peralatan-peralatan ini semua ada apa nama awak punya *Google*, awak *Google* lah nanti apakah peralatan *lighting* [pencahayaan], audio, *sound system* [sistem bunyi] dia, apakah jenis-jenis yang digunakan banyak benda yang digunakan untuk menjadikan dia sebuah filem. Peralatan ini amat penting sebenarnya. Okey.

MHF: Selain peralatan, apakah aspek lain yang memberi impak terhadap sesebuah gambar atau filem sedang digambarkan?

TRS: Rasanya soalan awak lebih kurang sama macam tadi selain daripada pelakon apakah yang penting dalam apa nama menghasilkan sesuatu filem. Semua benda saya kata penting tadi kan. Semua benda bukan peralatan saja bukan pelakon saja bukan *location* saja bukan apa nama semua benda. Semua benda harus dititikberatkan untuk menjadikan ianya sebuah filem, okey.

MHF: Bagaimana pula sekiranya pelakon gagal membawa watak yang tuan inginkan?

TRS: Okey, saya biasanya mengambil pelakon saya dah tahu dia boleh berjaya membawakan *character* [watak]. Sebagai contoh, Fauziah Nawi memang saya dah tahu dia akan menghasilkan yang terbaik sebab itu saya ambil dia berlakon dan apabila saya menghadapi masalah tiba-tiba pelakon itu tidak boleh

membawakan watak maka kesalahan itu sebenarnya bukan kesalahan pelakon tetapi kesalahan direktor di mana saya yang salah memilih pelakon itu dan pelakon itu harus diajar ataupun pelakon itu harus menarik diri daripada *production* tersebut sebab kita nak membuat yang terbaik. Jadi pada saya, apabila berlakunya- untuk saya rasa saya tak tahu kerana saya jarang apabila saya yang memilih pelakon itu maka Insha-Allah pelakon itu boleh memberikan apa yang saya nak kecuali pelakon itu dipilih orang lain tapi *so far* dalam penerbitan drama saya, pelakon saya pilih ertinya saya dah tahu bahawa pelakon tersebut akan memberi impak kepada penerbitan drama saya lah. Insha-Allah setipa pelakon yang saya pilih tidak akan mendatangkan masalah untuk menzahirkan kehendak seorang pengarah.

FNH: Adakah tuan menganjurkan seminar atau ceramah dalam bidang ini?

TRS: Saya dipanggil UiTM [Universiti Teknologi MARA], USM [Universiti Sains Malaysia], UUM [Universiti Utara Malaysia] untuk memberikan ceramah dan juga apa nama motivasi kepada sesiapa *student* yang berminat untuk apa nama mempelajari bidang ini lah tetapi- untuk menganjurkan seminar tak ada. Saya tak pernah menganjurkan seminar cumanya kita akan membuka kelas pengarah dan juga kelas penulisan skrip Insha-Allah lah tahun depan. Itu kita akan war-warkan di dalam *Facebook* di mana kami menghimpun lebih kurang lima puluh orang *students* untuk satu sesi. Saya akan ajar mengenai penulisan skrip yang berminat untuk menulis skrip dan juga siapa yang berminat untuk menjadi seorang pengarah. Itu Insha-Allah.

MHF: Bagi tuan sendiri pernahkah tuan terfikir atau berimpian untuk mengarah filem hingga ke peringkat antarabangsa?

TRS: Okey, sebagai seorang pengarah macam saya semua orang bercita-cita macam itu. Saya juga nak nama saya terpa di Hollywood nak juga nam saya terpa di Bollywood nak juga nama saya terpa di satu dunia seantero dunia tahu. Semua orang pada saya memang nak buat tapi kekangan kita yang paling utama ialah pertama sekali kos, kedua bantuan kerajaan apabila kita dah buat filem itu apakah bantuan untuk kita menyangkan filem kita di luar negara. Kita mesti

ada badan yang membantu sebenarnya dan sebagai seorang pengarah saya nak membawa cerita-cerita masyarakat saya cerita-cerita seperti ‘Pondok Buruk’, cerita-cerita seperti kisah masyarakat yang susah kisah masyarakat yang memang hidup dalam dibelenggu-- kesusahan ataupun lebih rapat lebih jelas kisah masyarakat Malaysia masyarakat melayu. Kisah-kisah ini yang sepatutnya kita paparkan di mata dunia bukan kisah-kisah peperangan apa nama kungfu ke apa nama yang mereka dah ada. Filem-filem barat adalah sekarang ini filem-filem yang kaya dengan *special effect* [kesan khas]. Kalau kita juga buat filem *special effect* maka kita tidak ada beza dengan mereka jadi kita kena buat cerita yang budayakan kita cerita yang mengangkat memartabatkan warisan kita. Baru lah Insha-Allah baru lah filem kita di-- apa nama disebut-sebut kan (mengganggu mengiyakan). Insha-Allah saya juga akan apa nama cari jalan bagaimana untuk meletakkan filem-filem kita setanding dengan filem-filem Hollywood Insha-Allah kalau kita ada bajet yang cukup kalau kita ada persiapan yang bagus Insha-Allah filem kita boleh ke Oscar. Saya tidak pernah tak yakin saya sentiasa yakin bahawa filem kita boleh setanding dengan filem-filem lama kita. Bagaimana filem P.Ramlee dulu ditayangkan di Asia dan semua orang kenal. Pelakon-pelakon Hollywood sendiri datang ke Malaysia memanggil pelakon-pelakon kita untuk berlakon di dalam filem-filem Hollywood tetapi sekarang semakin kurang. Jadi pada saya, benda itu kena kuat balik kena cipta balik kena *create* [bina] balik supaya filem Malaysia boleh diangkat sampai ke seantero dunia. Insha-Allah (senyum).

FNH: Di peringkat antarabangsa, siapa yang tuan idola kan?

TRS: Okey, peringkat antarabangsa _ _ _ _ (bunyi bising) tak ada yang saya idolakan__ P.Ramlee. Peringkat antarabangsa saya suka Steven Spielberg, memang daripada dulu lah saya suka. Steven Spielberg [Stevan Allan Spielberg] ini dia membawa cerita yang dia suka nak buat dan cerita dia lain daripada orang lain. Itu saya suka tetiba muncul ‘Star Trek’, tetiba muncul lah apa dulu e.t [E.T. the Extra Terrestrial] kan tetiba banyak muncul daripada dia ini dan pada saya pengarah-pengarah seperti dia pun saya suka seperti pengarah Ang Lee daripada China pun saya suka sebab China ini Ang Lee ini selalu membawa filem-filem yang masyarakat, kisah susahnyanya orang cina, kehidupan

masyarakat cina yang dilakonkan oleh Gong Li itu saya suka. Saya tidak banyak apa nama direktor-direktor yang saya idola kan di barat, tak ada. Tapi saya suka tengok karya mereka lah.

MHF: Boleh tuan sebutkan beberapa nama-nama individu pengarah di Malaysia yang juga menghasilkan filem-filem yang berunsur kemasyarakatan seperti tuan buat?

TRS: Okey, setiap pengarah kita di Malaysia apa nama ada *genre* masing-masing. Kalau awak tengok cerita kampung tak banyak orang buat dah sekarang kan. banyak orang buat cerita melayu moden melayu yang dah berjaya dengan--*business* [perniagaan] juta-juta kan tetapi filem-filem kemasyarakatan macam saya ini tak ramai. Kalau ada pun macam Aziz M. Osman [Abdul Aziz bin Otman @ Yusof], dulu dia buat filem 'Fenomena', itu sebuah cerita masyarakat melayu. Zulkifli M. Osman pun ada tetapi dewasa ini ataupun di waktu ini tak ramai dah. Kebanyakan filem-filem kita dibikin oleh pembikin-pembikin filem yang moden yang nak buat cerita hantu yang nak buat cerita melayu moden. Kurang sangat dah pada saya sekarang pengarah-pengarah yang mengangkat tema kemasyarakatan di dalam apa nama kerja mereka lah. Kurang cerita kampung lah sekarang, kalau ada cerita kampung baru kita boleh nampak lah siapa yang bikin kan tapi sekarang ini di tv pun atau di filem memang kurang cerita kampung lah. Jadi susah kita melupakan diorang dah.

MHF: Bagi tuan sendiri, pernahkah tuan terfikir untuk menerbitkan karya yang berunsur kemasyarakatan melayu seperti dongeng terdahulu atau sejarah seperti Mahsuri dan sebagainya?

TRS: Ada, saya pernah buat cerita 'Ulek Mayang' untuk TV3. Dulu saya pernah buat tapi sambutan penonton tidak sehebat kalau *you* buat cerita 'Laila Isabella' kan jadi kita kadang dalam *business* ini kena memikirkan juga pulangan tersebut macam *producer* tapi saya dulu dah buat dah cerita 'Lagenda Ulek Mayang', bagaimana dua orang puteri turun ke bumi dan bercinta dengan nelayan. Saya pernah buat dah cerita itu (senyum). Untuk sekarang kita kurang nak buat sebab tidak ada permintaan daripada stesen ataupun kita tidak ada dia tengok kepada sekarang punya apa nama kesukaan orang penonton. Jadi sekarang orang suka

tengok cerita hantu, cerita *love story* [cerita cinta] ataupun cerita peperangan. Filem banyak sekarang semua cerita pasal peperangan kan *Gold Coast* ke apa nama jet ke asker ke. Jadi pada saya benda-benda itu orang suka jadi pembikin-pembikin filem kita pun seronok untuk buat lah. Dia mengikut kehendak waktu satu-satu waktu itu lah.

FNH: Okey, bagaimanakah tuan menambah idea untuk menjadi jalan sesebuah cerita untuk menjadi lebih baik?

TRS: Okey, idea biasanya daripada apa yang saya pandang di sekeliling daripada apa yang saya baca dan saya suka menulis cerita yang saya tahu. Saya suka menulis cerita yang dekat dengan saya baru lah saya boleh panggil orang untuk menonton. Jadi idea-idea ini kadang-kadang saya baca juga surat khabar, saya baca di majalah ataupun kawan-kawan bercerita apa nama kesusahan orang ini apa nama bagaimana orang ini menghadapi masalah bila ditinggalkan, apabila dia bercerai, bagaimana seorang isteri nak bangkit semula. Jadi saya banyak juga berjumpa dengan kawan-kawan ataupun apa nama mendapat cerita daripada kawan-kawan bagaimana mereka mengatasi masalah itu. Jadi benda-benda macam ini bila kita dapat kita masukkan di dalam karya kita baru lah orang kata “oh betul lah”. Jadi kita jangan selalu membuat cerita fantasi sangat ataupun terlalu cerita rekaan sampai orang kata “eh tak ada lah orang buat macam ini, takkan orang mati macam ini” tak ada kan. Jadi saya suka mengangkat benda realiti dan benda yang saya nampak dan benda yang saya alami. Idea-idea ini saya gabungkan dan Insha-Allah dia akan menjadi sebuah karya yang-- hebat lah.

FNH: Siapakah kawan tuan yang suka berkongsi idea itu?

TRS: Ramai. Kawan-kawan saya ramai awak tak kenal kawan-kawan saya tapi kawan-kawan saya ramai (senyum).

MHF: Adakah mereka juga terdiri pada orang-orang yang terlibat dalam bidang seni atau bidang perfileman?

TRS: Kebanyakan kawan-kawan pengarah ialah pengarah juga. Kita juga ada kawan pelakon, kita juga ada kawan krew macam awak juga nanti kalau awak jadi seorang penerbit awak mesti akan baik dengan *producer*, awak mesti akan baik dengan krew dan akan baik dengan semua orang lah. Jadi pada saya kehidupan ini kita harus berkawan tak kisah siapa pun kawan awak-- kena kawan dengan dia sebab apa? Jangan sentiasa menganggap diri terbaik. Jangan sentiasa menganggap diri dah bagus. Sebenarnya, ada lagi orang yang tukang sapu sampah itu kalau *you* duk dengar bercerita, cerita dia lebih hebat sebenarnya dari cerita-cerita orang lain. Jadi pada saya, kawan saya semua orang sejak dari ITM, kita ada *group* kan *you all* ada *group Whatsapp* masing-masing kami pun ada *group* kampung, kami juga ada *group* apa nama bekas sekolah, semua ada kan. Jadi, kawan-kawan ini sebenarnya membantu kita untuk kita *grow ideas* [dapat idea] kalau kita kurang idea ataupun kita rasa macam “alamak apa cerita hari tu?”, *call* kawan-kawan lah. Insha-Allah kawan-kawan banyak membantu saya untuk lebih berkomunikasi atau untuk lebih mencari idea-idea lebih baik lah. Insha-Allah.

FNH: Adakah terdapat pantang larang sebelum atau selepas penggambaran?

TRS: Oh tidak ada. Saya tidak pernah ada pantang larang ke apa. *You* dah *shot shooting* kita ada SOP-- seperti biasalah jangan bermukah di dalam set, jangan bergurau keterlaluan, jangan buat ini jangan buat itu tak ada tetapi pantang larang itu pada saya semua orang kena ada. *You* kena ada benda dah tahu mana yang boleh mana yang tak boleh kan pada saya semua orang dah ada dalaman dia itu dah siap dia hanya mengikut *production*-- itu saja. Saya tak pernah meletakkan pantang larang di set.

MHF: Bolehkah saya tahu perkembangan terkini tuan dalam bidang perfileman?

TRS: Apa dia?

MHF: Apakah perkembangan terkini tuan dalam bidang perfileman?

TRS: Okey, saya baru saja menghabiskan filem ‘Tilam Perca’ di Astro First dan masih ditayangkan di Astro On The Go. Kisah masyarakat dan saya juga akan membuat telemovie terbahru ‘Mistik Bilik Mayat’ untuk TV Alhijrah dan juga kita akan membuat siri ‘Tanah Kubur’ balik semula untuk tayangan Astro. Semua dalam persiapan lah. Insha-Allah kalau ada rezeki, kita akan saya akan membuat filem terbitan Opera Klasik untuk tahun ini. Insha-Allah jika ada rezeki doa-doakan semua kami akan war-warkan di dalam media sosial lah, okey.

FNH: Apakah pengalaman manis dan pahit tuan selama bergelar seorang pengarah?

TRS: Okey, pengalaman pahit apabila drama *you* semua orang kutuk *you* kan semua orang kata drama *you* tak bagus sedangkan *you* dah buat yang terbaik *you* nak buat tetapi saya sebenarnya memang tidak hidup dengan pujian dan tidak mati dengan kejian. Pengalaman manis apabila orang gelarkan *you* pengarah “air mata” kan ertinya apa yang *you* buat nak bagi orang menangis bagi orang ingat itu dah berjaya. Jadi pada saya, setiap orang lah dia mesti ada satu-- apa yang dia nak kan selain daripada anugerah tadi saya cakap kita kena ada satu benda yang memotivasikan. Kalau orang kutuk drama *you* macam ini, *next one* [yang seterusnya] *you* jangan buat lah kan kalau orang puji drama *you* harini maka ada benda yang baik daripada drama itu maka *you* boleh *follow* [ikut] untuk *next* drama *you*. Jadi pada saya yang baik pun saya terima yang buruk pun saya terima. Itu dijadikan satu pengalaman untuk lebih mematangkan kehidupan kita dan lebih memperelokkan dan memperbaiki karya kita lah.

MHF: Baik. Sebelum kita mengakhiri *interview* [temubual] kali ini, adakah tuan mempunyai apa-apa pesanan sebagai penutup kata temubual pada harini?

TRS: Okay, *first* sekali terima kasih kerana memanggil saya. *Second time* [kali kedua] kalau saya marah tadi jangan terasa jadikan dia sebagai satu pedoman untuk awak di masa depan okey, kata lah awak kena *interview* Tun Mahathir Mohamad [Mahathir bin Mohamad], takkan awak awak nak tanya “tun jadi pm nombor berapa eh?”, mesti lah Tun marah kan jadi pada saya benda-benda itu amat penting kehidupan awak dan satu yang saya nak nasihatkan kepada semua

student, life is getting tougher and tougher [hidup semakin sukar dan sukar], setiap tahun awak punya jurusan ataupun kawan-kawan awak punya jurusan *graduates* ramai. Bidang pekerjaan itu agak kurang pada saya, kerajaan tidak lagi menyediakan banyak sangat peluang-peluang pekerjaan *so* mungkin ada yang tak akan dapat kerja jadi pada saya, persaingan sengit jadi setiap *student* harus ada kemahiran. Kemahiran ini pada saya macam penulisan skrip, itu adalah satu kemahiran ataupun awak pandai berlakon ataupun awak pandai menyanyi atau apa saja. Setiap *student* harus ada satu kemahiran kerana kemahiran ini lah yang akan membantu awak untuk lebih *grow* dalam apa pun kehidupan dan satu yang saya nak nasihatkan jangan malu bertanya, jangan mudah menganggap diri dah hebat walaupun awak dapat *dean list* setiap semester kan tetapi jangan malu bertanya jangan tunjuk diri awak berlagak sangat, tak mahu (menggeleng kepala). Hidup ini sebenarnya paling mudah kita cuma ada siang dan malam sahaja kita tak ada malam macam tengah siang tak ada. Siang atau malam. Selepas habis siang maka masuk malam jadi kita kena ikut bila siang kena buat perkara siang apabila malam kita buat perkara malam. Maksudnya kita hidup ini mesti menyesuaikan diri dengan keadaan ataupun dengan situasi. Dulu orang kampung kita kata masuk kandang kambing mengembek masuk kandang kerbau wou wou wou (bunyi kerbau) kan jadi itu sebenarnya semua orang pada saya dalam filem dia lagi besar dia punya cabaran lagi hebat dia punya tuntutan jadi setiap *student* setiap yang ingin masuk dalam bidang ini walaupun awak bukan mengkhusus 100 peratus bidang pengarahan tapi awak terlibat juga dalam bidang ini maka kena ada satu prinsip hidup. Jangan biarkan orang memijak kita sahaja sesekali kita nak pijak orang. Jangan biarkan diri kita asyik jadi bahan apa nama bahan orang kan jadi kita sebenarnya tahu apa yang *you* nak buat. *The best thing* [yang paling penting] ialah *you* suka apa yang *you* buat kerana apa yang *you* suka buat pastu orang bayar pula dekat *you based on* [berdasarkan] apa *you* suka buat, *that's life* [ini lah kehidupan]. *Life* jangan buat sesuatu benda yang *you* terpaksa buat, *life* jangan buat suatu benda yang *you* tak nak buat tetapi *you* terpaksa buat sebab *you* nak *keep on surviving* [teruskan hidup], tak boleh. Awak kena cari satu benda yang awak nak buat *so* ertinya hidup awak *happy* [gembira] sahaja lah. Hari-hari awak buat benda yang awak suka, itu satu pada saya dan paling-- utama sekali jangan cepat mengalah. *Life must go on*. Harini gagal yang ini esok aku kena buat yang

baru. Bangkit, bangkit, dan terus bangkit. Insha-Allah . Terima kasih banyak-banyak sekali lagi. Minta maaf kita terpaksa buat *Google Meet* ini. Insha-Allah kalau saya *free* [ada masa] bulan depan, kita boleh lagi lah. Insha-Allah (senyum). Terima kasih banyak-banyak.

FNH: Sama-sama. Dengan ini, tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang perfileman bersama Tuan Rashid Sibir. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dalam menyumbang kepada pembangunan ilmu dalam bidang perfileman para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LOG
PENEMUBUAL

4.0 LOG PENEMUBUAL

Masa (minit)	Soalan	Deksripsi
00:00 – 00:26	Sebelum kami pergi secara lanjut kepada temubual ni [ini] boleh tak [tidak] tuan perkenalkan serba sedikit pasal diri tuan?	Beliau Rashid Sibir merupakan graduate [graduan] ITM [Institut Teknologi MARA], Shah Alam [Malaysia] 1991 dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi.
00:32 – 00:42	Oh, boleh saya tahu Rashid Sibir merupakan nama pena atau nama sebenar tuan?	Nama sebenar beliau Rashid Bin Sibir.
00:48 – 01:03	Tuan berasal dari negeri mana ya tuan?	Beliau berasal daripada Batu Pahat, Johor [Malaysia] dan bersekolah Menengah Semerah [Batu Pahat, Johor], <i>High School</i> Batu Pahat [Johor] kemudian ke ITM, Shah Alam.
01:05 – 01:42	Oh, memang dari sejak zaman persekolahan ke tuan meminati bidang perfileman ini?	Idola beliau adalah Allahyarham Tan Sri P.Ramlee [Tan Sri Datuk Amar Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh]. Kesemua filem-filem Allahyarham Tan Sri P.Ramlee beliau tonton dan berasa ingin menjadi seperti tokoh.
01:43 – 02:08	Pada tahun bilakah tuan mula meminati filem-filem Tan Sri P.Ramlee? Pada tahun bila? Pada umur berapa?	Tujuh tahun.
02:10 – 02:54	Okey, apakah hobi yang diminati oleh tuan ketika waktu lapang?	Pada zaman remaja beliau banyak permainan dan suka bermain bola sepak. Apabila sudah berusia, beliau banyak masa untuk menghasilkan filem. Pada waktu

		lapang beliau banyak menulis skrip.
02:55 – 03:20	Memang tuan ada minat atau apa hobi ke menulis dari kecil?	Menulis bukan hobi beliau sejak kecil. Minat menulis tercetus apabila beliau sudah bekerja dan berminat untuk menulis beliau punya skrip sendiri.
03:25 – 04:07	Okey, bagaimana tuan membahagikan masa diantara hobi dengan kerjaya sekarang ini?	Hobi beliau hanya menulis skrip. Apabila kerja, beliau kerja sepenuhnya. Jika ada penggambaran, beliau akan fokus dengan kerjaya. Jadi, beliau tidak ada masalah dalam membahagikan masa.
04:09 – 04:56	Bolehkah tuan ceritakan sedikit sebanyak tentang kehidupan keluarga tuan? daripada ibu bapa, adik beradik?	Beliau mempunyai tiga belas adik beradik. Ibu bapa beliau telah meninggal dunia. Nama bapa beliau adalah Sibir Bin Demon dan nama ibu beliau adalah . Kini, beliau hanya mempunyai tiga orang adik beradik kerana sepuluh orang adik-beradik beliau lagi telah meninggal dunia. Beliau mempunyai kakak di Kampung Semerah Batu Pahat dan beliau sering menjenguk kakak-kakaknya.
04:57 – 05:22	Dalam keluarga tuan adakah tuan saja yang menceburkan diri dalam bidang perfileman ini?	Beliau seorang sahaja.
05:23 – 06:23	Boleh tuan-- bagitahu yang tuan minat karya-karya Allahyarham Tan Sri P.Ramlee tapi pada waktu macam	Beliau hendak menjadi doktor kerana ibunya menghidapi penyakit sempit. Beliau

	kita selalunya budak-budak membesar selalunya nak jadi polis, doktor dan sebagainya. Tetapi sebelum tuan merasakan diri tuan ingin menjadi seorang pengarah apakah cita-cita pertama tuan pada waktu kecil?	merasakan beliau perlu menjadi doktor untuk mengubati ibunya.
06:24 – 07:24	Masa pemilihan kursus di UiTM [Universiti Teknologi MARA] siapakah individu yang menjadi panduan bagi tuan untuk memilih jurusan tersebut?	Tiada.
07:26 – 09:11	Sewaktu tuan Rashid jadi student [pelajar] kan pelajar tuan ada masuk pertandingan apa-apa ke macam buat drama pendek ke skrip macam pertandingan yang menjurus ke arah?	Takda.
09:18 – 10:50	Okey, soalan seterusnya apakah pekerjaan pertama sebelum tuan menjadi pengarah filem?	Pekerjaan pertama beliau ialah menjadi <i>assistant director</i> [penolong pengarah] kepada Othman Hj Zainuddin, arwah Othman Hj Zainuddin. Di Serangkai Filem yang merupakan tempat praktikal beliau dan telah diserap untuk bekerja.
10:53 – 11:25	Pada tahun berapa- bila tu tuan mula?	Pada tahun 1991 selepas graduate daripada ITM.
11:41 – 12:00	Bagaimana tuan mendapat sumber modal untuk menerbitkan atau menulis drama atau filem?	Filem-filem kebanyakannya memang bajet 1 <i>million</i> [juta] ke atas. Jadi, pengarah filem perlu ada <i>funder</i> [pembiaya].

12:02 – 13:00	Bagaimana tuan mendapatkan <i>funder</i> itu?	<i>Funder</i> perlu kenal ramai orang. Beliau cari kawan-kawan dan berjumpa dengan <i>producer-producer</i> [penerbit].
13:02 – 13:58	Jadi duit tersebut digunakan sebagai modal untuk menerbitkan drama atau filem jadi bagaimana tuan menghasilkan karya dengan harapan duit itu dapat dikembalikan semula dalam bentuk keuntungan?	Beliau mendapat kontrak daripada <i>station</i> [stesen] sebelum menghasilkan drama atau filem.
13:59 – 15:04	Selama berkecimpung sebagai seorang pengarah pernah atau tidak tuan mengalami kerugiaan atau ketidakfahaman antara pihak tuan dan pihak <i>funder</i> tersebut?	Tiada pada kebiasaannya.
15:07 – 16:40	Okey, siapakah individu yang sentiasa memberi semangat dan dorongan untuk tuan meneruskan kerjaya mengarah filem ini?	<i>Family</i> [Keluarga] lah terutama isteri beliau. Isteri beliau bernama Nurulhuda Azizi. Isteri beliau memang banyak memberi sokongan pada beliau dalam memberikan idea untuk menghasilkan sebuah karya.
16:41 – 17:30	Adakah isteri tuan sama kerjayanya, ataupun kerja lain?	Isteri beliau bekerja sebagai penyelidik di Hospital Besar KL [Kuala Lumpur].
17:32 – 18:49	Oh, anak-anak tuan ada menunjukkan minat ke dalam bidang perfileman?	Takda. Anak-anak beliau tiada yang berminat untuk menjadi pengarah atau pelakon.
18:49 – 19:03	Sebelum itu tuan ada berapa orang anak ya?	Beliau mempunyai empat orang anak. Satu perempuan dan tiga orang lelaki.

19:11 – 27:07	Selama tuan menerbitkan filem dan drama ini kenapa tema kemasyarakatan atau kekeluargaan dari tema bagi tuan sehinggakan mendapat dorongan atau gelaran sebagai seorang Pengarah Air Mata kenapa begitu?	Tema filem diterbitkan adalah berdasarkan latar belakang dan tempat seseorang pengarah filem itu berasal. Beliau berasal dari kampung. Ibu beliau merupakan penoreh getah dan bapa beliau merupakan seorang nelayan. Beliau telah terbiasa dengan kehidupan yang susah.
27:09 – 28:52	Okey, pernahkah tuan terfikir untuk mengarah drama atau filem yang tidak bertemakan kemasyarakatan atau kekeluargaan seperti aksi atau seram misalnya?	Beliau telah pilih untuk membuat tema kemasyarakatan sejak mula lagi. Tema aksi juga pernah dihasilkan oleh beliau. Selain itu, beliau juga pernah menghasilkan filem cinta.
28:54 – 31:56	Sebagai seorang pengarah kan yang dah lama berkecimpung dalam bidang ini pernah tak tuan terfikir macam nak tuan tersalah pilih arah atau ada benda lain yang tuan nak cebur selain bidang perfileman?	Beliau menyatakan kita perlu belajar dalam kehidupan untuk tidak memilih lebih daripada satu perkara. Jika kita sudah membuat pilihan, kita perlu pastikan pilihan itu yang terbaik.
32:39 – 35:12	Tuan pernah sebut tadi yang anak-anak seni di Malaysia ini tak kaya macam anak-anak seni diluar negara pernah tak tuan terfikir atau apakah tuan, motivasi tuan untuk meneruskan bidang ini disebalik kekangan tersebut?	Oh, takda.
35:13 – 36:25	Okey, apakah anugerah yang tuan telah perolehi sepanjang menjadi pengarah?	Beliau telah memenangi anugerah pengarah terbaik 'telemovie' di TV3, pengarah siri terbaik untuk TV3, 'Lelaki Kiriman Tuhan' pengarah terbaik, Sutera Putih.

		Drama seperti Tanah Kubur, Pondok Buruk, <i>Best script writer</i> 'Ratu Jamu'.
36:29 – 38:00	Tuan, adakah anugerah-anugerah tersebut menjadi salah satu falsafah atau motivasi tuan untuk meneruskan kerja ini?	Beliau tidak mengejar anugerah untuk teruskan kerja ini. Beliau menganggap anugerah rasa dihargai sahaja.
38:01 – 39:29	Adakah tuan ada satu <i>quotes</i> [kata-kata] atau kata-kata semangat dalam diri tuan sewaktu kejatuhan ke <i>down</i> [jatuh]?	Beliau memegang kata-kata jangan mudah putus asa, jangan mudah hilang semangat, jangan mudah dengar kata orang serta kena mambangun <i>move on</i> . Sentiasa berdoa dan tawakal dengan rezeki Allah Subhanahuwataala.
39:45 – 41:39	Semasa tuan, sepanjang tuan menerbitkan filem kan apakah cabaran yang tuan pernah alami?	Cabaranya ialah berurusan dengan pelakon, modal, sekeliling dan pengurusan.
41:40 – 43:00	Tuan ada perkatakan tadi yang contohnya cabaran dia pelakon itu tinggalkan set kan <i>so</i> tuan ada trauma tak nak ambil pelakon itu?	Beliau tidak trauma untuk mengambil pelakon yang bermasalah namun masih bertegur sapa dengan pelakon. Tetapi beliau tidak akan mengambil lagi untuk bekerjasama dengan nya.
43:03 – 45:55	Semasa pandemik covid-19 apakah cabaran tuan dalam penerbitkan filem?	Semasa pandemik covid-19 beliau hampir tiga atau empat bulan tiada pekerjaan dan tiada pendapatan.
45:56 – 46:41	Sewaktu pandemik, tuan ada masalah kesihatan ke?	Beliau dijangkiti covid-19 semasa melakukan penggambaran.
46:43 – 48:26	Tuan ada menyebut kan semasa covid ramai yang terjejas termasuk tuan sendiri. Macam mana tuan mengatasi	Beliau bijak mengurus kehidupan dengan menghadapi apa jua cabaran dan rintangan.

	atau menghadapi masalah tersebut dari segi kewangan dan kesihatan?	
48:31 – 49:40	Adakah pada waktu tersebut tuan mempunyai sebarang simpanan atau pekerjaan sambilan yang tuan lakukan untuk dapatkan modal maksud saya mendapatkan duit semasa PKP?	Beliau mempunyai sebuah restoran dan menjalankan perniagaan atas talian bagi menampung kehidupan semasa PKP.
49:43 – 50:56	Bagaimanakah tuan mendapatkan rehat yang cukup untuk melegakan tekanan ketika buat penggambaran itu?	Beliau tidak mempunyai cuti yang tetap. Akan tetapi, bijak mengurus masa untuk mendapatkan rehat yang cukup.
50:57 – 51:31	Kebiasaan tuan rehat memang tidurlah ataupun buat hobi ke?	Menggunakan masa rehat dengan meluangkan masa bersama keluarga.
51:35 – 53:06	Apakah cabaran bagi tuan semasa penggambaran pada waktu covid dan waktu sekarang yang mana lebih sukar untuk tuan hadapi?	Memerlukan pematuhan SOP yang ketat semasa penggambaran dalam tempoh pandemik.
53:08 – 53:35	Apakah perubahan yang ketara penggambaran yang di lakukan sebelum pandemik berlakunya covid-19 dan selepas endemik covid-19?	Tiada perubahan ketara tetapi SOP masih diteruskan.
53:40 – 55:31	Okey, apakah pendapat tuan tentang perkembangan filem dari aspek teknologi di Malaysia dahulu dan sekarang?	Perkembangan teknologi di Malaysia sederhana walau ada pembaharuan tetapi masih di taraf yang sama.
55:32 – 58:43	Bagi pendapat tuan kan, mengapakah perkembangan perfileman di Malaysia ini terbantut berbanding dengan negara-negara lain adakah disebabkan kewangan?	Tidak mendapat sokongan daripada kerajaan.

58:44 – 1:00:14	Setakat filem-filem yang tuan siarkan di Malaysia dekat luar negara ada ke antara filem yang terkenal?	Tidak ada. Filem beliau hanya ditayangkan di Malaysia, Singapura, dan Brunei.
1:00:16 – 1:01:06	Adakah semasa penggambaran ada perkara mistik yang pernah berlaku? Contohnya, ‘Tanah Kubur’.	Ada tetapi tidak mengganggu proses penggambaran.
1:01:07 – 1:01:50	Semasa penggambaran tersebut, adakah tuan mengamalkan apa-apa bacaan doa atau pendinding diri tuan dan krew-krew yang lain juga?	Hanya membaca ayat-ayat lazim seperti ayat kursi.
1:01:52 – 1:02:41	Jadi, tuan tak memanggil orang yang mahir lah dalam bidang contohnya ustaz ke apa dalam set penggambaran itu?	Tidak pernah memanggil ustaz. Hanya membaca doa atau ayat-ayat lazim.
1:02:46 – 1:03:53	Sepanjang penggambaran itu kan, pernah tak kejadian yang pernah terjadi yang mengganggu penggambaran tersebut selain daripada rasuk atau yang lain-lain?	Tidak pernah. Setiap lokasi yang dipilih telah diteliti.
1:03:58 – 1:05:58	Apa pendapat tuan, apa tuan lakukan kalau tuan sudah sedaya upaya untuk mengawal situasi tersebut untuk jadi lancar penggambaran tersebut kan? Tapi pernah tak kejadian yang terjadi secara tiba-tiba, apakah tindakan tuan untuk menghadapi masalah tersebut?	Artis balik secara tiba-tiba. Beliau memberi penyelesaian mudah kepada artis dan krew penggambaran.
1:06:04 – 1:07:34	Bagi tuan sendiri kan? Apakah ciri-ciri seorang pelakon yang tuan suka atau yang diperlukan dalam sesebuah penggambaran itu?	Beliau suka bekerjasama dengan artis yang bertanggungjawab terhadap tugas mereka sebagai seorang pelakon.

1:07:37 – 1:09:33	Selain daripada pelakon, apakah faktor-faktor lain yang tuan utamakan untuk menghasilkan sesebuah filem?	Beliau menitikberatkan semua aspek dalam penggambaran termasuk krew, juru solek, katering, dan pengurus lokasi.
1:09:35 – 1:10:29	Okey, apakah tindakan yang tuan ambil apabila penggambaran perlu ditangguhkan?	Beliau akan menyusun semula jadual serta meminta kerjasama daripada artis-artis terlibat.
1:10:29 – 1:11:20	Kalau dari segi cuaca macam mana ya tuan?	Penggambaran di terusan mengikut kesesuaian situasi dan babak.
1:11:25 – 1:13:37	Bagi pandangan tuan, betul atau tidak kejayaan sesebuah filem terletak kepada rupa paras pelakon filem tersebut?	Rupa paras memainkan peranan tetapi bakat lebih penting bagi seorang pelakon.
1:13:41 – 1:16:21	Apakah pandangan tuan terhadap kurangnya minat penonton dalam menyokong filem tempatan?	Beliau berpendapat bahawa <i>genre</i> filem di Malaysia masih sama dan tidak berubah. Penonton Malaysia menginginkan pembaharuan.
1:16:26 – 1:18:04	Bagi tuan sendiri kan, mengapa kebanyakan filem masa kini gagal meninggalkan kesan yang mendalam sebagaimana Almarhum Tan Sri. P.Ramlee lakukan dahulu?	Kandungan atau alur cerita sesebuah filem memainkan peranan untuk memberi kesan kepada penonton.
1:18:06 – 1:19:25	Bagi tuan sendiri kan, kandungan filem yang diterbitkan dalam Malaysia ini selalunya ditentukan oleh penonton Malaysia atau oleh pengarah itu sendiri?	Tema atau kandungan filem ditentukan oleh pengarah. Namun, filem Malaysia ditonton mengikut cita rasa penonton.
1:19:28 – 1:20:43	Pada pandangan tuan, adakah wajar filem yang kurang menyentuh perihal kehidupan seharian masyarakat ditayangkan?	Beliau terbuka terhadap setiap tema atau jenis filem sekiranya filem tersebut memaparkan inti pati yang menjadi tauladan kepada penonton.

1:20:45 – 1:22:35	Tadi tuan ada menyebut minatnya tuan terhadap karya-karya Tan Sri P.Ramlee, pada pandangan tuan sendiri, apakah ciri-ciri Almarhum Tan Sri P.Ramlee ada yang membuatkan tuan meminati beliau?	Beliau berkata Tan Sri P.Ramlee banyak menyentuh perihal masyarakat dalam karya-karya beliau. Ciri tersebut menjadikan beliau meminati tokoh tersebut.
1:22:37 – 1:24:17	Pada pandangan tuan, apakah kemahiran utama yang diperlukan dititik beratkan dalam bidang perfileman?	Bidang perfileman memerlukan kemahiran dan fokus yang tinggi. Seorang direktor perlu mahir dalam menyunting sudut dan memberi arahan kepada pelakon. Manakala, pelakon pula perlu bijak membawa watak dalam setiap penggambaran.
1:24:20 – 1:26:11	Okey, apa pendapat tuan apakah kriteria yang penting untuk menjadi seorang pengarah yang berjaya?	Menjadi pengarah bukan sahaja perlu berkemahiran dalam menyunting filem tetapi harus juga bijak berinteraksi dengan krew dan pelakon.
1:26:14 – 1:27:27	Okey, apakah persiapan fizikal dan mental yang diperlukan untuk generasi akan datang yang menceburi bidang ini?	Bidang perfileman merupakan bidang yang mencabar. Oleh itu, beliau menasihatkan generasi akan datang supaya tidak mengalah atau mudah putus asa.
1:27:34 – 1:28:57	Bagi tuan sendiri kan, apakah keistimewaan bidang perfileman ini bagi tuan?	Beliau menganggap setiap bidang mempunyai keistimewaan sendiri.
1:28:58 – 1:31:11	Bagi tuan sendiri kan, bagaimanakah cara menginterpretasikan makna filem?	Filem merupakan sesuatu yang besar dan kompleks. Beliau menginterpretasikan makna filem sebagai gambar yang bergerak dan

		berbicara di sulam dengan rasa dan nilai kepada penonton.
1:31:20 – 1:32:05	Apakah alatan yang digunakan semasa membuat penggambaran?	Kamera merupakan alatan penting dalam penggambaran.
1:32:08 – 1:32:48	Selain peralatan, apakah aspek lain yang memberi impak terhadap sesebuah gambar atau filem sedang digambarkan?	Setiap aspek perlu dititikberatkan.
1:32:56 – 1:34:12	Bagaimana pula sekiranya pelakon gagal membawa watak yang tuan inginkan?	Beliau tidak pernah menghadapi masalah tersebut kerana setiap pelakon dalam filem-filemnya berjaya menjiwai watak.
1:34:12 – 1:35:04	Adakah tuan menganjurkan seminar atau ceramah dalam bidang ini?	Beliau tidak pernah menganjurkan seminar sebaliknya membuka kelas penulisan skrip. Beliau juga pernah dijemput untuk memberikan ceramah kepada pelajar universiti.
1:35:08 – 1:37:30	Bagi tuan sendiri pernahkah tuan terfikir atau berimpian untuk mengarah filem hingga ke peringkat antarabangsa?	Setiap pengarah mempunyai impian tersebut termasuklah beliau.
1:37:31 – 1:38:31	Di peringkat antarabangsa, siapa yang tuan idolakan?	Beliau mengagumi Steven Allan Spielberg dan Ang Lee.
1:38:35 – 1:40:01	Boleh tuan sebutkan beberapa nama-nama individu pengarah di Malaysia yang juga menghasilkan filem-filem yang berunsur kemasyarakatan seperti tuan buat?	Aziz M. Osman dan Zulkifli M. Osman antara pengarah yang mengarah filem-filem kemasyarakatan.
1:40:04 – 1:41:29	Bagi tuan sendiri, pernahkah tuan terfikir untuk menerbitkan karya yang berunsur kemasyarakatan Melayu	Beliau pernah mengarah sebuah drama bertajuk “Ulek Mayang” dan telah disiarkan di TV3.

	seperti dongeng terdahulu atau sejarah seperti Mahsuri dan sebagainya?	
1:41:32 – 1:42:54	Okey, bagaimanakah tuan menambah idea untuk menjadi jalan sesebuah cerita untuk menjadi lebih baik?	Beliau mendapat ilham dari persekitaran sekeliling.
1:42:55 – 1:43:05	Siapakah kawan tuan yang suka berkongsi idea tu?	Beliau tidak dapat menyebut satu persatu kerana mempunyai ramai rakan.
1:43:06 – 1:44:19	Adakah mereka juga terdiri pada orang-orang yang terlibat dalam bidang seni atau bidang perfileman?	Kebanyakan rakan beliau terdiri dari pengarah, krew, dan produser. Namun, beliau juga masih mengekalkan hubungan persahabatan dengan rakan-rakan sekampungnya.
1:44:20 – 1:44:58	Adakah terdapat pantang larang sebelum atau selepas penggambaran?	Beliau tidak mempunyai sebarang pantang larang di set penggambaran.
1:45:10 – 1:45:51	Apakah perkembangan terkini tuan dalam bidang perfileman?	Beliau baru sahaja menghabiskan penggambaran filem bertajuk “Tilam Perca” tayangan Astro First. Beliau juga dalam proses penggambaran telemovie “Mistik Bilik Mayat” tayangan TV Alhijrah dan siri “Tanah Kubur” bagi tayangan Astro.
1:45:55 – 1:46:59	Apakah pengalaman manis dan pahit tuan selama bergelar seorang pengarah?	Beliau pernah dikutuk tetapi memilih untuk bangkit sehingga mendapat gelaran ‘Pengarah Air Mata’.
1:47:03 – 1:50:43	Baik. Sebelum kita mengakhiri interview [temubual] kali ini, adakah tuan mempunyai apa-apa pesanan	Jangan pernah mengangap diri hebat, jangan biarkan diri dipijak, dan jangan melakukan sesuatu

	sebagai penutup kata temubual pada harini?	perkara dalam keterpaksaan merupakan pesanan beliau sebelum mengakhiri sesi temubual.
--	--	---

GLOSARI

5.0 GLOSARI

No	Perkataan	Maksud
1.	Advertising	Pengiklanan atau aktiviti atau profesion menghasilkan iklan untuk produk atau perkhidmatan komersial.
2.	Broadcasting	Penyiaran dan menghantar (program atau beberapa maklumat) melalui radio atau televisyen.
3.	Content creator	Pencipta kandungan iaitu individu yang menyediakan kandungan maklumat seperti video, blog atau catatan media sosial terutamanya dalam media digital untuk pengguna secara dalam talian.
4.	Design applications	Reka bentuk aplikasi menggabungkan antara muka pengguna, biasanya dikenali sebagai (UI), dan pengalaman pengguna (UX).
5.	Funder	Pembiaya iaitu orang atau pihak yang membiayai sebagai bertindak sebagai pelindung, penaung.
6.	Lawyer	Peguam atau orang yang ahli dalam bidang undang-undang, yang biasa menjadi pembela atau pendakwa dalam sesuatu perkara di mahkamah.
7.	Pilot	Juruterbang yang membantu ketua juruterbang, dan kadangkadang memandu kapal terbang.
8.	Public Relation	Perhubungan awam iaitu amalan menjalinkan, menggalakkan atau memupuk semangat muhibah, kemesraan, imej yang baik di kalangan orang ramai oleh atau terhadap sebuah syarikat, firma atau institusi.
9.	Lecturer	Pensyarah iaitu orang yang memberikan syarahan (ceramah) atau guru di universiti, orang yang memberikan kuliah.

INDEKS

6.0 INDEKS

A

Air mata ii, vii, 14, 15, 48, 55, 62, 70

Aksi 16, 55,

Anak ii, vii, 7, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 26, 41, 54, 55, 74

Anugerah vii, 9, 19, 20, 48, 55, 56, 71, 76, 82

Artis 18, 28, 30, 31, 32, 33, 34, 58, 59, 76

B

Babak 39, 34, 59, 69

Bakat ii, 2, 19, 34, 41, 59, 69

Batu Pahat ii, vii, 4, 5, 7, 51, 52, 69

C

Cabaran i, ii, 21, 22, 26, 49, 56, 57, 71, 72, 76, 77

Cinta 13, 16, 27, 45, 55, 70

Covid 20, 22, 23, 24, 26, 56, 57, 71, 76, 77

D

Datuk Yusuf Haslam 18, 19

Drama ii, vii, 6, 8, 9, 10, 11, 13, 14, 15, 16, 17, 19, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 28, 32, 33, 34, 43, 48, 53, 54, 55, 56, 61, 69, 70, 71, 73, 75, 76

Dunia 7, 12, 17, 18, 23, 27, 29, 36, 39, 43, 44, 52

F

Falsafah 20, 56, 76

Fauziah Nawari 19, 32, 34, 42

Filem ii, vii, 1, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 16, 17, 18, 20, 21, 22, 23, 26, 27, 28, 29, 32, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 69, 70, 71, 73, 75, 76, 77, 78, 79

G

Gaji 9, 17, 22

Graduan 4, 51

H

Hantu 27, 29, 30, 35, 45

Hidup 4, 6, 13, 15, 16, 17, 18, 19, 21, 22, 23, 24, 25, 37, 39, 41, 44, 47, 48, 49, 52, 55, 56, 57, 59, 69, 72, 75, 78

I

Industri ii, 10, 11, 23, 28, 31, 39, 71

ITM ii, iv, vii, 4, 5, 7, 8, 12, 47, 51, 53, 69

J

Jadual i, 25, 31, 33, 34, 59

Jiwa 12, 19, 37, 61

Johor ii, vii, 4, 5, 7, 51, 69

K

Karya 7, 10, 16, 37, 44, 45, 46, 48, 52, 54, 60, 61, 69, 70, 71, 72, 75, 76, 78, 79

Keluarga 6, 7, 11, 12, 13, 16, 52, 54, 55, 57, 69, 75, 76

Kemahiran 38, 49, 60, 72, 78

Kemasyarakatan ii, 13, 14, 16, 45, 55, 61, 70, 76, 78

Komedi 14, 16, 34, 36, 37, 38, 70

Kriteria 32, 37, 38, 39, 60, 78

Krew 22, 23, 29, 30, 31, 32, 33, 39, 46, 47, 58, 59, 60, 62, 71, 73, 77

L

Laila Isabella 29, 37, 45, 69, 70

Lokasi 11, 21, 26, 30, 32, 58, 59, 71, 72

M

Malaysia ii, iv, vii, 1, 2, 4, 7, 8, 12, 17, 18, 25, 26, 27, 28, 29, 36, 43, 44, 45, 51, 55, 57, 58, 59, 61, 69, 71, 72, 76, 77, 78

Melayu 1, 14, 30, 35, 36, 37, 44, 45, 61, 70, 79

Menangis 14, 15, 48

Modal 9, 10, 21, 24, 32, 36, 53, 54, 56, 57, 75, 76, 77

O

Opera Klasik vii, 12, 48, 69

P

Pandemik 22, 23, 26, 56, 57, 71, 76, 77
Panggung 27, 35, 36
P.Ramlee 5, 7, 14, 16, 17, 20, 32, 36, 37, 38,
39, 44, 51, 52, 59, 60, 70, 75, 78
Pekerja 12, 20, 22, 33
Pelakon 1, 11, 12, 17, 19, 21, 22, 23, 27, 28,
32, 33, 34, 35, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 46,
54, 56, 58, 59, 60, 61, 71, 73, 76, 77, 78
Pembiaya 10, 53, 70
Pengarah ii, vii, 4, 5, 7, 9, 11, 12, 13, 15,
16, 17, 19, 20, 32, 36, 39, 40, 41, 43, 44, 45,
46, 48, 49, 53, 54, 55, 59, 60, 61, 62, 69, 70,
71, 72, 75, 76, 78, 79, 82
Penggambaran 6, 25, 26, 29, 30, 31, 32, 33,
39, 42, 47, 52, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 77,
78, 79
Penonton ii, 14, 16, 35, 36, 37, 45, 59, 61,
69, 70, 78
Pondok Buruk vii, 14, 15, 19, 43, 46, 56, 69,
70, 71

R

Rakyat 18, 25, 29, 76

S

Seni ii, 17, 18, 19, 22, 23, 24, 38, 48, 55, 62,
71, 76, 79
Serangkai Filem ii, 9, 10, 53
Sutera Putih vii, 19, 55, 67, 71

T

Tanah Kubur vii, 19, 29, 30, 47, 56, 58, 62
Teknologi ii, 26, 27, 57
Telefilem vii, 69, 70, 72
TV3 8, 19, 45, 55, 61

V

Veteran 23

W

Wayang 26, 40
Wanita 2, 13, 34

RALAT

7.0 RALAT

Dalam menjalankan temubual ini, terdapat beberapa ralat yang tidak dapat dielak iaitu:

1. Suara riuh
2. Suara burung
3. Ganggu internet
4. Bersin
5. Bunyi telefon
6. Bunyi azan

RINGKASAN

8.0 RINGKASAN

Latar belakang sebenar tokoh dalam pengarah filem

Tuan Rashid bin Sibir merupakan pengarah filem yang terkenal di Malaysia. Melalui hasil temubual bersama beliau, terdapat banyak maklumat yang diperolehi mengenai pengalaman beliau dalam bidang perfileman. Antaranya, beliau telah bergiat dalam bidang perfileman ini selama lebih daripada 30 tahun. Makna filem bagi beliau adalah suatu kehidupan.

Beliau berasal daripada Batu Pahat, Johor. Beliau telah melanjutkan pelajaran diperingkat sarjana muda di Insititut Teknologi MARA (ITM) dalam bidang Komunikasi. Pekerjaan pertama beliau adalah sebagai penolong pengarah di Seragkai Filem kepada Othman Hj Zainuddin. Kerjayanya adalah berasaskan pengarah dan penulisan skrip untuk filem, telefilem mahupun drama.

Beliau mendapat dorongan dan semangat daripada keluarga beliau untuk meneruskan kerjaya sebagai pengarah filem. Individu yang paling banyak membantunya adalah isteri beliau yang bernama Nurulhuda Azizi. Nurulhuda Azizi juga merupakan penerbit eksekutif bagi syarikat Opera Klasik. Opera Klasik adalah syarikat produksi keluarga beliau.

Beliau mula mendapat perhatian penonton melalui drama bersiri yang bertajuk Mat Despatch. Beliau juga telah menghasilkan banyak karya yang mendapat tempat di hati penonton seperti Sutura Putih, Pondok Buruk, Laila Isabella, Lelaki Kiriman Tuhan, Awan Dania, Tanah Kubur dan banyak lagi.




Figure 1: Filem Sutura Putih



Figure 2: Telefilem Pondok Buruk




Figure 3: Filem Laila Isabella

Table 1: Antara karya arahan Tuan Rashid Sibir.



Figure 4: Filem Awan Dania The Movie



Figure 5: Drama Lelaki Kiriman Tuhan



Figure 6: Telefilem Tanah Kubur

Table 2: Antara karya arahan Tuan Rashid bin Sibir.

Beliau amat meminati filem P.Ramlee dan telah menonton filemnya sewaktu diusia kecil lagi. Allahyarham Tan Sri P.Ramlee merupakan idola kepada beliau dan beliau merasakan ingin menjadi seperti P.Ramlee yang sering menghasilkan filem kemasyarakatan.

Beliau memilih tema kemasyarakatan bagi menghasilkan karya yang dekat dihati penonton. Beliau pernah mendapat gelaran ‘Pengarah Air Mata’ kerana berjaya mencuit hati masyarakat melalui filem. Sebagai contoh, filem atau drama berkenaan ibu bapa akan membuatkan kita merindui kampung halaman.

Beliau juga pernah menghasilkan filem aksi, filem cinta dan filem komedi. Antara filem komedinya yang mendapat sambutan adalah ‘Pengantin Popular’. Namun, beliau merasakan tema komedi tidak dekat dihati penonton kerana penonton akan melupakan perkara tersebut pada keesokan harinya berbeza dengan tema kemasyarakatan yang sentiasa lekat dihati penonton. Selain itu, beliau juga pernah menghasilkan karya berunsurkan kemasyarakatan melayu seperti Ulek Mayang tetapi kurang mendapat sambutan.

Antara anugerah yang pernah dikecapi oleh beliau adalah anugerah pengarah terbaik bagi telemovie ‘Lelaki Kiriman Tuhan’, pengarah baru terbaik bagi filem ‘Sutera Putih’, mendapat anugerah Oscar bagi drama Tanah Kubur dan Pondok Buruk. Beliau juga pernah mendapat anugerah penulis terbaik bagi filem Ratu Jamu.

Rintangan dan cabaran dalam bidang pengarah

Tuan Rashid bin Sibir telah menghadapi pelbagai jenis cabaran sepanjang menjadi pengarah filem. Antaranya, beliau perlu berurusan dengan pelakon yang tiba-tiba balik dari lokasi penggambaran. Namun, beliau telah mengharunginya dengan tidak mengambil pelakon tersebut

lagi pada projek akan datang. Setiap pengarah perlu belajar dari kesilapan memilih pelakon kerana pelakon perlu dipilih melalui bakat dan disiplin seseorang itu membahagi masa.

Selain itu, cabaran mengalami perubahan cuaca di set penggambaran. Jika set penggambaran tiba-tiba hujan, mereka perlu berehat. Antara cara lain yang dibuat oleh ahli pengarah adalah dengan menukar babak dengan suasana hujan. Penukaran skrip juga dilakukan bagi mendapatkan rekod penggambaran pada hari itu. Oleh itu, pengarah perlu sentiasa ada pelan B.

Seterusnya, semasa pandemik covid-19 beliau tidak mempunyai pendapatan kerana perlu menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan industri pembikinan drama, filem atau seni adalah industri yang akhir sekali diberikan kelonggaran untuk memulakan pekerjaan setelah beberapa tempoh yang lama. Oleh dengan itu, semasa PKP beliau telah mengiatkan perniagaan dalam talian. Beliau mempunyai restoran dan telah menggunakan inisiatif penghantaran makan semasa PKP bagi mendapatkan pendapatan.

Semasa pandemik covid-19 juga pelakon tidak dibenarkan bersentuhan dan duduk berdekatan oleh disebabkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan. Oleh dengan itu, krew filem telah membuat pandangan dekat dengan menggunakan teknologi dan sudut yang bersesuaian semasa penggambaran.

Cabaran perkembangan filem dari aspek teknologi di Malaysia masih di takuk lama kerana tidak berkembang berbanding negara-negara lain yang telah berkembang pesat seperti negara Korea. Industri seni di luar negara juga dapat menghasilkan karya seperti filem Avatar yang menggunakan teknologi yang canggih. Hal ini adalah kerana, industri seni kurang mendapat sokongan kerajaan bagi menjual filem tanah air kita ke luar negara.

Sebuah filem memerlukan sekurang-kurangnya bajet sebanyak satu juta. Jadi, mereka perlu mencari pembiaya. Oleh itu, bidang perfileman perlu mempunyai banyak rangkaian bersama penerbit atau rakan-rakan yang boleh berkongsi keuntungan.

Karier menjadi pengarah filem sebagai rujukan akan datang

Faktor-faktor yang utama untuk menghasilkan sebuah filem yang berjaya adalah pelbagai aspek. Hal ini kerana, krew, pengurus lokasi, jurusolek, penjaga makanan adalah semua penting bagi penghasilan filem. Kerja kumpulan adalah amat penting bagi menghasilkan satu karya yang mempunyai durasi penggambaran yang lama dan mencabar.

Seorang pengarah perlulah ada sifat tidak berlagak, tidak sombong, merendah diri dan mencari jalan yang terbaik bagi menyelesaikan masalah. Seorang itu perlu sentiasa tenang dan tidak panik walaupun menghadapi cabaran seperti masalah pelakon, masalah cuaca dan sebagainya.

Persiapan mental dan fizikal yang perlu diterapkan oleh generasi akan datang adalah jangan cepat berputus asa dan tidak sombong. Kita perlu sentiasa berani mengaku salah atas kesilapan yang dilakukan. Selain itu, kita perlu bersedia dengan kutukan dan pujian untuk menerimanya sebagai cara untuk mematangkan kehidupan, memperelok dan memperbaiki karya sesebuah filem, telefilem atau drama. Kita mesti menyesuaikan diri mengikut keadaan dan situasi. Akhir kata, setiap apa yang dilakukan mesti dilakukan dengan minat.

9.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dengan adanya kajian seperti ini sedikit sebanyak penyelidik juga membantu dalam menambahkan sumber primer tentang tokoh dalam bidang perfileman. Disamping itu, penyelidik juga dapat mengenali latar belakang tokoh yang terkenal dan dikagumi di Malaysia iaitu Rashid Sibir. Seterusnya, penyelidik dapat mengetahui pengalaman tokoh sebagai pengarah filem. Selain itu, penyelidik dapat mengenal pasti kemahiran yang diperlukan untuk generasi akandatang yang berkecimpung dalam bidang perfileman. Akhir sekali, penyelidik juga sedikit sebanyak membantu dalam usaha memartabatkan bidang perfileman di negara ini yang boleh menyebabkan lebih ramai yang menceburi bidang ini pada masa akan datang.

RUJUKAN

10.0 RUJUKAN

- Adam, R. (2005). *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Biografi Tokoh Wanita Kelantan*. Universiti Malaysia Kelantan. <https://umkeprints.umk.edu.my/5126/>
- IMDb.com. (n.d.). *Rashid Sibir*. IMDb. Retrieved, from <https://www.imdb.com/name/nm1066559/>
- Kaisah, N. (2017, November 6). *Peranan Filem Kepada Masyarakat*. Academia.edu. Retrieved, from https://www.academia.edu/35069281/Peranan_filem_kepada_masyarakat
- Karim, Haji Ahmad, Hamzah, A., Ishak, Z., Tik Sakinah, W., & Zakaria, F. (2014). *Kelantan - UMK Repository*
- Kepentingan Sejarah lisan*. Kepentingan Sejarah Lisan. (n.d.). Retrieved November 7, 2022, from <https://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>
- Laman Utama*. Biografi Rashid+Sibir. (n.d.). Retrieved, from <https://malay.wiki/content/Rashid+Sibir/Biografi.html>
- Nasution, M. K. M. (2017). Penelaahan literatur. Teknik Penulisan Karya Ilmiah, 3, 1-7. (PDF) Penelaahan Literatur (researchgate.net)
- UM students' repository*. (n.d.). Retrieved December, from [http://studentsrepo.um.edu.my/6569/1/HIZRAL_TAZZIF_HISHAM_\(AHA050028\).pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/6569/1/HIZRAL_TAZZIF_HISHAM_(AHA050028).pdf)

LAMPIRAN

11.0 LAMPIRAN

11.1 SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya NASHID SURIP K/P: pada
09/07/2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh) NASHID SURIP
Tarikh: 09/07/2023

(Jafalizon bin Md.Jali)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Figure 7: Surat Perjanjian untuk ditemubual.

11.2 SENARAI SOALAN

1. Sebelum kami pergi secara lanjut kepada temubual ni [ini] boleh tak [tidak] tuan perkenalkan serba sedikit pasal diri tuan?
2. Oh, boleh saya tahu Rashid Sibir merupakan nama pena atau nama sebenar tuan?
3. Oh, Rashid bin Sibir?
4. Tuan berasal dari negeri mana ya tuan?
5. Oh, memang dari sejak zaman persekolahan ke tuan meminati bidang perfileman ni?
6. Pada tahun bilakah tuan mula meminati filem-filem Tan Sri P.Ramlee? Pada tahun bila? Pada umur berapa?
7. Okey, apakah hobi yang diminati oleh tuan ketika waktu lapang?
8. Memang tuan ada minat atau apa hobi ke menulis dari kecil?
9. Okey, bagaimana tuan membahagikan masa diantara hobi dengan kerjaya sekarang ni?
10. Bolehkah tuan ceritakan sedikit sebanyak tentang kehidupan keluarga tuan?
11. *Yes* [ya] daripada ibu bapa, adik beradik?
12. Dalam keluarga tuan adakah tuan saja yang menceburkan diri dalam bidang perfileman ni?
13. Boleh tuan, tuan bagitahu yang tuan minat karya-karya Allahyarham Tan Sri P.Ramlee tapi pada waktu macam kita selalunya budak-budak membesar selalunya nak jadi polis, doktor dan sebagainya. Tetapi sebelum tuan merasakan diri tuan ingin menjadi seorang pengarah apakah cita-cita pertama tuan pada waktu kecil?
14. Masa pemilihan kursus di UiTM [Universiti Teknologi MARA] siapakah individu yang menjadi panduan bagi tuan untuk memilih jurusan tersebut?
15. Sewaktu tuan Rashid jadi student [pelajar] kan pelajar tuan ada masuk pertandingan apa-apa ke macam buat drama pendek ke skrip macam pertandingan yang menjurus ke arah?
16. Okey, soalan seterusnya apakah pekerjaan pertama sebelum tuan menjadi pengarah filem?
17. Di syarikat mana ya tuan?
18. Pada tahun berapa- bila itu tuan mula?
19. Jadi, apakah sumber modal bagi tuan semasa tuan ingin menerbitkan sesebuah drama atau filem?
20. Bagaimana tuan mendapat sumber modal untuk menerbitkan atau menulis drama atau filem?

21. Bagaimana tuan mendapatkan *funder* itu?
22. Jadi duit tersebut digunakan sebagai modal untuk menerbitkan drama atau filem jadi bagaimana tuan menghasilkan karya dengan harapan duit itu dapat dikembalikan semula dalam bentuk keuntungan?
23. Selama berkecimpung sebagai seorang pengarah pernah atau tidak tuan mengalami kerugiaan atau ketidakfahaman antara pihak tuan dan pihak *funder* tersebut?
24. Okey, siapakah individu yang sentiasa memberi semangat dan dorongan untuk tuan meneruskan kerjaya mengarah filem ni?
25. Adakah isteri tuan sama kerjayanya, ataupun kerja lain?
26. Oh, anak-anak tuan ada menunjukkan minat ke dalam bidang perfileman?
27. Sebelum itu tuan ada berapa orang anak ya?
28. Selama tuan menerbitkan filem dan drama ni kenapa tema kemasyarakatan atau kekeluargaan dari tema bagi tuan sehinggakan mendapat dorongan atau gelaran sebagai seorang pengarah airmata kenapa begitu?
29. Okey, pernahkah tuan terfikir untuk mengarah drama atau filem yang tidak bertemakan kemasyarakatan atau kekeluargaan seperti aksi atau seram misalnya?
30. Sebagai seorang pengarah kan yang dah lama berkecimpung dalam bidang ni pernah tak tuan terfikir macam nak tuan tersalah pilih arah atau ada benda lain yang tuan nak cebur selain bidang perfileman?
31. Tadi tuan ada menyebut rakyat malaysia – artis-artis atau anak seni di alaysia ni kurang kekayaan berbanding anak-anak seni di luar negara pernah tak tekanan tersebut menjatuhkan motivasi tuan?
32. Okey, apakah anugerah yang tuan telah perolehi sepanjang menjadi pengarah?
33. Tuan, adakah anugerah-anugerah tersebut menjadi salah satu falsafah atau motivasi tuan untuk meneruskan kerja ini?
34. Adakah tuan ada satu *quotes* [kata-kata] atau kata-kata semangat dalam diri tuan sewaktu kejatuhan ke *down* [jatuh]?
35. Semasa tuan, sepanjang tuan menerbitkan filem kan apakah cabaran yang tuan pernah alami?
36. Tuan ada perkatakan tadi yang contohnya cabaran dia pelakon itu tinggalkan set kan *so* tuan ada trauma tak nak ambil pelakon tu?
37. Semasa pandemik covid-19 apakah cabaran tuan dalam penerbitkan filem?
38. Sewaktu pandemik, tuan ada masalah kesihatan ke?

39. Tuan ada menyebut kan semasa covid ramai yang terjejas termasuk tuan sendiri. Macam mana tuan mengatasi atau menghadapi masalah tersebut dari segi kewangan dan kesihatan?
40. Adakah pada waktu tersebut tuan mempunyai sebarang simpanan atau pekerjaan sambilan yang tuan lakukan untuk dapatkan modal maksud saya mendapatkan duit semasa PKP?
41. Bagaimanakah tuan mendapatkan rehat yang cukup untuk melegakan tekanan ketika buat penggambaran itu?
42. Kebiasaan tuan rehat itu memang tidur lah ataupun buat hobi ke?
43. Apakah cabaran bagi tuan semasa penggambaran pada waktu covid dan waktu sekarang yang mana lebih sukar untuk tuan hadapi?
44. Apakah perubahan yang ketara penggambaran yang di lakukan sebelum pandemik berlakunya covid-19 dan selepas endemik covid-19?
45. Okey, apakah pendapat tuan tentang perkembangan filem dari aspek teknologi di Malaysia dahulu dan sekarang?
46. Bagi pendapat tuan kan, mengapakah perkembangan perfileman di Malaysia ini terbantut berbanding dengan negara-negara lain adakah disebabkan kewangan ?
47. Setakat filem-filem yang tuan siarkan di Malaysia dekat luar negara ada ke antara filem yang terkenal?
48. Adakah semasa penggambaran ada perkara mistik yang pernah berlaku? Contohnya, 'Tanah Kubur'.
49. Semasa penggambaran tersebut, adakah tuan mengamalkan apa-apa bacaan doa atau pendinding diri tuan dan krew-krew yang lain juga?
50. Jadi, tuan tak memanggil orang yang mahir lah dalam bidang contohnya ustaz ke apa dalam set penggambaran itu?
51. Sepanjang penggambaran itu kan, pernah tak kejadian yang pernah terjadi yang mengganggu penggambaran tersebut selain daripada rasuk atau yang lain-lain?
52. Apa pendapat tuan, apa tuan lakukan kalau tuan sudah sedaya upaya untuk mengawal situasi tersebut untuk jadi lancar penggambaran tersebut kan? Tapi pernah tak kejadian yang terjadi secara tiba-tiba, apakah tindakan tuan untuk menghadapi masalah tersebut?
53. Bagi tuan sendiri kan? Apakah ciri-ciri seorang pelakon yang tuan suka atau yang diperlukan dalam sesebuah penggambaran itu?
54. Selain daripada pelakon, apakah faktor-faktor lain yang tuan utamakan untuk menghasilkan sesebuah filem?

55. Okey, apakah tindakan yang tuan ambil apabila penggambaran perlu ditangguhkan?
56. Kalau dari segi cuaca macam mana ya tuan?
57. Bagi pandangan tuan, betul atau tidak kejayaan sesebuah filem terletak kepada rupa paras pelakon filem tersebut?
58. Apakah pandangan tuan terhadap kurangnya minat penonton dalam menyokong filem tempatan?
59. Bagi tuan sendiri kan, mengapa kebanyakan filem masa kini gagal meninggalkan kesan yang mendalam sebagaimana Almarhum Tan Sri. P.Ramlee lakukan dahulu?
60. Bagi tuan sendiri kan, kandungan filem yang diterbitkan dalam Malaysia ni selalunya ditentukan oleh penonton Malaysia atau oleh pengarah itu sendiri?
61. Pada pandangan tuan, adakah wajar filem yang kurang menyentuh perihal kehidupan seharian masyarakat ditayangkan?
62. Tadi tuan ada menyebut minatnya tuan terhadap karya-karya Tan Sri P.Ramlee, pada pandangan tuan sendiri, apakah ciri-ciri almarhum Tan Sri P.Ramlee ada yang membuat kan tuan meminati beliau?
63. Pada pandangan tuan, apakah kemahiran utama yang diperlukan dititik beratkan dalam bidang perfileman?
64. Okey, apa pendapat tuan apakah kriteria yang penting untuk menjadi seorang pengarah yang berjaya?
65. Okey, apakah persiapan fizikal dan mental yang diperlukan untuk generasi akan datang yang menceburi bidang ini?
66. Bagi tuan sendiri kan, apakah keistimewaan bidang perfileman ini bagi tuan?
67. Bagi tuan sendiri kan, bagaimanakah cara menginterpretasikan makna filem?
68. Maksudnya kamera dan selain kamera?
69. Selain peralatan, apakah aspek lain yang memberi impak terhadap sesebuah gambar atau filem sedang digambarkan?
70. Bagaimana pula sekiranya pelakon gagal membawa watak yang tuan inginkan?
71. Adakah tuan menganjurkan seminar atau ceramah dalam bidang ini?
72. Bagi tuan sendiri pernahkah tuan terfikir atau berimpian untuk mengarah filem hingga ke peringkat antarabangsa?
73. Di peringkat antarabangsa, siapa yang tuan idola kan?
74. Boleh tuan sebutkan beberapa nama-nama individu pengarah di Malaysia yang juga menghasilkan filem-filem yang berunsur kemasyarakatan seperti tuan buat?

75. Bagi tuan sendiri, pernahkah tuan terfikir untuk menerbitkan karya yang berunsur kemasyarakatan melayu seperti dongeng terdahulu atau sejarah seperti Mahsuri dan sebagainya?
76. Okey, bagaimanakah tuan menambah idea untuk menjadi jalan sesebuah cerita untuk menjadi lebih baik?
77. Siapakah kawan tuan yang suka berkongsi idea itu?
78. Adakah mereka juga terdiri pada orang-orang yang terlibat dalam bidang seni atau bidang perfileman?
79. Adakah terdapat pantang larang sebelum atau selepas penggambaran?
80. Apakah perkembangan terkini tuan dalam bidang perfileman?
81. Apakah pengalaman manis dan pahit tuan selama bergelar seorang pengarah?
82. Baik. Sebelum kita mengakhiri *interview* [temubual] kali ini, adakah tuan mempunyai apa-apa pesanan sebagai penutup kata temubual pada harini?

11.3 DIARI PENYELIDIKAN

Tarikh	Hari	Masa	Tempat	Perkara
21/10/2022	Jumaat	3:33pm	WhatsApps	Berbincang untuk pemilihan tokoh.
23/10/2022	Ahad	6:47pm	WhatsApps	Menghantar surat kepada tokoh.
28/10/2022	Jumaat	8:54pm	WhatsApps	Kami menghubungi Tuan Rashid Sibir melalui WhatsApp.
29/10/2022	Sabtu	8:48pm	WhatsApps	Berbincang isi-isi yang perlu dibuat dalam proposal.
31/10/2022	Isnin	10:00pm	WhatsApps	Membuat pembahagian proposal dan mula untuk membuat proposal.
4/11/2022	Jumaat	8:14pm	WhatsApps	Tuan Rashid Sibir memberi maklum balas dan bersetuju untuk ditemubual.
14/11/2022	Jumaat	10:00pm	Di bilik pensyarah	Membuat semakan proposal dan soalan untuk di temuduga.

17/11/2022	Khamis	7:32am	WhatsApps	Surat interview sudah lengkap.
16/12/2022	Jumaat	7:29am	Di bilik pensyarah	Membuat semakan proposal dan soalan buat kali kedua.
29/11/2022	Selasa	1:38pm	WhatsApp	Tarikh mula untuk di temuduga.
29/12/2022	Khamis	9:00pm	<i>Google Meet</i>	Membuat latihan dan perbincangan sebelum hari temuduga.
30/12/2022	Jumaat	3:00pm	<i>Google Meet</i>	Temubual bersama Tuan Rashid Sibir dijalankan selama tiga jam.
05/01/2023	Khamis	11:00am	Di Bilik Sejarah Lisan	Pensyarah membuat semakan pertama transkrip.
19/01/2023	Khamis	11:00	Di Bilik Sejarah Lisan	Pensyarah membuat semakan transkrip kali kedua.

GAMBAR

12.0 GAMBAR



Figure 8: Gambar di atas merupakan sesi temu bual yang dijalankan berplatform di Google Meet.



Figure 9: Penemu bual berkesempatan untuk berjumpa dan memberi cendera hati kepada Tuan Rashid Sibir di atas kesudian beliau untuk ditemu ramah.




Figure 10: Pengarah Terbaik Drama bagi Pendosa Ingin ke Syurga.



Figure 11: Berikut merupakan trofi anugerah yang telah dimenangi oleh Tuan Rashid Sibir sepanjang beliau bergelar seorang pengarah.

SUTERA PUTIH MENYENTUH



FILEM *Sutera Putih* sudah pun dipranontonkan kepada wartawan baru-baru ini.

Ambol, boleh tahan juga kerja Rashid Sibir tu. Patutlah juri memberikannya trofi Sutradara Harapan dalam Festival Filem Malaysia Ke-12 (FFM12) yang lalu.

Okay, SS ni boleh dikira sebagai jenis orang yang degil sikit untuk menangis kalau tengok filem.

Kalau tak salah, kali terakhir SS menangis tengok filem Melayu ialah awal 80-an ketika menonton filem *Esok Untuk Siapa* arahan Datuk Jins Shamsuddin.

Bagi SS, mutu lakonan Noor-kumalasari, seniwati Norizan dan Jins sendiri memang hebat dalam filem itu hingga meninggalkan kesan mendalam.

Namun sewaktu menonton *Sutera Putih* baru-baru ini, tiba-tiba perasaan SS sebak sekejap dan air mata tergenang beberapa kali.

Walaupun jalan ceritanya tidak seberat *Esok Untuk Siapa* dan ada beberapa kelemahan teknikal, Rashid sebagai pengarah bijak mengeksploit bakat-pelakon dalam filem itu terutama Susan Lankester, Shima dan Bonni Sta Maria, hingga penonton simpati dengan cinta segi tiga mereka.

SS puji juga lakonan Susan. Walaupun dia tidak menangis macam orang sasau, ekspresi wajah dan gerak gerinya tetap berkesan. Shima walaupun murah sangat air mata dalam filem itu, boleh dianggap berjaya dengan lakonannya yang terbaik setakat ini.

Di sebalik rasa sedih itu, penonton juga



RASHID...sentuhannya menjadi.

tertawa melihat lakonan Azean Irdawaty sebagai Minah Kepoh yang asyik *Busy body*. Kemunculan Bonni pula SS yakin dapat menambahkan seorang lagi hero bukan Melayu yang berbakat di negara ini biarpun dia terpaksa guna suara pinjam.

SHIMA TERUS MEMBISU

INI satu lagi kisah pasal pelakon *Sutera Putih*, Shima. SS dengar, ada cakap-cakap di belakang yang mengatakan Shima terkilan terhadap syarikat rakamannya sekarang, Sony Music, hingga ada yang mengatakan dia akan berpindah ke syarikat lain.

Eh, betul ke? Jadi bila terjumpa Shima baru-baru ini, SS cuba-cuba juga ko-rek rahsia tetapi penyanyi itu enggan bercakap panjang.

"Perkara ini membabitkan kontrak dan kontrak Shima masih ada lagi dengan Sony Music. Malah Shima kini dalam pembikinan album baru," jelasnya.

Namun cara percakapannya, SS berasa Shima seperti menyembunyikan sesuatu pada pihak media.

Bila SS tanya adakah dia kecil hati dengan Sony Music dari segi layanan, Shima berkata: "No komenlah..."

Figure 9: Keratan Akhbar berkenaan Sutera Putih.

BERITA HARIAN/ISNIN, 12 FEBRUARI 1996

MANTAP... barisan pelakon Sutera Putih arahan Rashid Sibir.

Penerbit Sutera Putih serah kepada nasib

PENERBIT filem *Sutera Putih*, Wan Nor Azmah Wan Abu Bakar tidak mahu membuat sebarang ramalan terhadap sambutan filemnya itu. Sebaliknya menyerahkan semuanya kepada nasib untuk menentukan sama ia akan berjaya atau tidak.

"Kadang-kadang apabila kita yakin, ia menjadi sebaliknya, jadi saya tidak mahu menaruh sebarang harapan yang terlalu tinggi, tetapi cuma berharap ia akan mendapat perhatian. Biarlah saya seorang saja yang mengetahui berapakah sasaran yang saya letakkan," katanya di majlis terbuka puasa di kediamannya Jumaat lalu.

Katanya, dia tidak mahu terlalu yakin kerana sambutan peminat sukar diramal berdasarkan beberapa filem sebelum ini.

Bagaimanapun dia berharap filem itu sekurang-kurangnya melepasi tahap *box-office*. Filem itu akan ditayangkan di 25 pawagam seluruh negara.

Wan Nor Azmah berkata, dia sebenarnya berpuas hati dengan hasil filem yang diarah oleh Rashid Sibir itu dan kini menyerahkan kepada penonton untuk menilainya.

Bagi menarik perhatian penonton, Azmah Advertising Sdn Bhd yang menerbitkan filem itu akan mengadakan satu peradu-

an khas dengan menawarkan hadiah enam buah motosikal jenama Cagiva.

"Pengumuman mengenai peraduan itu akan bermula 25 Februari ini menerusi TV3 dan selepas itu borang bagi menyertainya akan dikeluarkan menerusi akhbar harian sebanyak empat kali," katanya.

Katanya, empat anugerah yang diraih oleh filem itu pada Festival Filem Malaysia ke 12 lalu diharapkan akan menjadi pendorong atau sumber tarikan kepada penonton.

Seperti biasa, pihaknya juga akan mengadakan promosi dengan membawa barisan pelakonnya.

Figure 10: Akhbar barisan pelakon Sutera Putih arahan Rashid Sibir.

Penerbit *Sutera Putih* yakin *box-office*

UTUSAN MALAYSIA ISNIN 12 FEBRUARI, 1996

PENERBIT filem *Sutera Putih*, Wan Nor Azmah Wan Abu Bakar berkeyakinan tinggi filemnya itu akan mendapat sambutan berdasarkan penampilan jalan ceritanya yang padat dan tidak membosankan.

Justeru itu, Wan Nor Azmah berkata, dia meletakkan sasaran pada tahap *box-office* untuk filem tersebut.

Katanya, dia berpuas hati dengan kewibawaan Rashid Sibir sebagai sutradara *Sutera Putih* yang menurutnya banyak menyumbangkan kreativiti dalam menghidupkan watak-watak dalam filem tersebut.

Filem itu menelan kos pembikinannya sebanyak RM800,000.

"Saya berasa beruntung kerana mendapatkan tenaga Rashid dalam mengarahkan filem ini. Walaupun filem ini merupakan filem pertama arahnya, tetapi saya menaruh keyakinan penuh terhadap kewibawaannya itu.

Saya mula mengesan kebolehan Rashid ketika dia mula-mula mengarahkan sebuah drama terbitan syarikat saya, tidak lama dulu. Dari situ, saya tertarik dengan kemampuan dan ideanya dalam pengarahannya drama terse-



PEMEGANG watak utama... Shima beraksi dalam salah sebuah adegan filem *Sutera Putih*.

but," katanya pada majlis terbuka puasanya di kediamannya di Kuala Lumpur, Jumaat lalu.

Filem *Sutera Putih* terbitan usahanya sama Azmah Advertising dan Grand Brilliance dipilih untuk tayangan Hari

Raya ini di 25 buah pawagam di seluruh negara.

Belanja untuk promosi filem itu menelan sebanyak RM300,000.

Mengenai dengan barisan pelakon pula, Wan Nor Azmah seterusnya memberitahu, dia berpuas hati dengan pelakon-pelakon filem itu yang memberikan komitmen lakonan seratus peratus.

"Memang pada peringkat permulaannya, saya menghadapi masalah untuk mencari pelakon. Bagaimanapun, barisan pelakon yang ada sekarang berjaya menjiwai watak yang diberi," ujarnya.

Wan Nor Azmah juga turut bersetuju dengan pendapat bahawa sekiranya sesebuah filem itu mempunyai jalan cerita yang kurang menarik walaupun pelakon yang dipilih terdiri daripada artis-artis popular, ia tetap tidak akan menonjol.

Mengenai promosi filem itu pula, katanya, satu peraduan yang menyediakan hadiah enam buah motosikal jenama terkenal berkuasa tinggi akan diadakan mulai 25 Februari ini.

Wan Nor Azmah memberitahu, peraduan itu akan ditayangkan di TV dan disiarkan dalam akhbar tempatan.

Figure 11: Akhbar berkenaan *Sutera Putih* yakin *box-office*.